



MAJLIS PENGURNIAAN

الوزن بسنة التقدير

ANUGERAH
SASTERA NEGARA KE-

14



21 SEPTEMBER 2019 | 21 MUHARAM 1441
HOTEL ISTANA KUALA LUMPUR

ANUGERAH
SASTERA NEGARA KE-14

Daulat Tuanku



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH R'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH
BINTI ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ**



MAJLIS PENGURNIAAN

الوزن يسر القادر

ANUGERAH
SASTERA NEGARA KE-

14



21 SEPTEMBER 2019 | 21 MUHARAM 1441
HOTEL ISTANA KUALA LUMPUR



Perutusan

YAB PERDANA MENTERI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Kerajaan meletakkan kedudukan sasterawan pada tahap yang tinggi dan hal ini dapat dilihat melalui pengurniaan Anugerah Sastera Negara yang terus diadakan. Pengurniaan ini memperlihatkan bahawa Kerajaan sedar dan menghargai sumbangan sasterawan dalam memperkaya khazanah persuratan Melayu.

Arus pemodenan era digital dan globalisasi telah merubah pemikiran dan perlakuan masyarakat yang ada kalanya bertentangan dengan nilai dan budaya yang kita warisi dan pertahankan. Tetapi kita tidak mampu mengetepikan pemodenan yang memastikan masyarakat berkembang, berdaya saing dan terus kekal relevan dalam konteks global. Kepesatan ini bagaimanapun harus kita rancang seiring dengan pembentukan peradaban masyarakat yang tinggi yang tidak meminggirkan jati diri, akal budi dan identiti budaya satu negara bangsa. Sastera memainkan peranan yang sangat penting dalam mempertahankan nilai-nilai negara bangsa. Sastera bukan sekadar memberikan maklumat intelektual tetapi dilengkapi dengan nilai dan pertimbangan kemanusiaan. Kehadiran aspek nilai kemanusiaan menjadi penting dalam pemupukan dan pembentukan kualiti insan. Bagi mencapai hasrat tersebut, sudah tentulah negara memerlukan karya-karya yang besar dan bermutu tinggi yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara sebagai bahan yang dapat dimanfaatkan bersama.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr. Siti Zainon Ismail atas pengurniaan Anugerah Sastera Negara Ke-14. Saya berharap Dr. Siti Zainon Ismail akan terus menghasilkan karya yang hebat untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD



Serangkai Kata

YB MENTERI PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, pada hari ini kita menyaksikan Majlis Pengurniaan Anugerah Sastera Negara Ke-14 dengan penerimanya Dr. Siti Zainon Ismail. Patik dan sekalian rakyat merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat hadir menyempurnakan majlis yang cukup bermakna pada malam ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan tahniah kepada Dr. Siti Zainon Ismail yang telah terpilih menerima Anugerah Sastera Negara Ke-14 yang membawa gelaran Sasterawan Negara. Pada tahun ini, kita bertuah kerana memiliki Sasterawan Negara yang bukan sahaja mempunyai ketokohan dalam kesusasteraan kebangsaan tetapi juga dalam kebudayaan dan kesenian Melayu. Beliau yang telah lama berkecimpung dalam bidang sastera ini memperlihatkan kematangan, keintelektualan dan kemahirannya menjalin dan mengadun kreativiti, ilmu, pengalaman dan pengamatan tentang kehidupan dan alam untuk pelbagai lapisan masyarakat dalam karyanya. Ketinggian dan mutu karyanya dirakam sebagai renungan dan warisan kepada generasi yang akan datang sejajar dengan hasrat pembentukan bangsa Malaysia yang bertamadun.

Sebagai Pengerusi Panel Anugerah Sastera Negara Ke-14, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sejak bermula proses penilaian sehinggalah kepada pelaksanaan majlis pada malam ini. Sesungguhnya sumbangan ini sangat berharga ke arah memartabatkan persuratan Melayu.

DR. MASZLEE MALIK



Atur Cara

- 7.30 malam** • Ketibaan Para Tetamu
- 8.10 malam** • Ketibaan Tetamu Kehormat
- 8.20 malam** • Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Berangkat ke Bilik Kenamaan Diiringi Menteri Pendidikan Malaysia
 - Sembah Kenal Penerima Anugerah Sastera Negara Ke-14 kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
 - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Dewan Utama
 - Lagu “Negaraku”
 - Doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
 - Majlis Santapan
 - Persembahan Iringan
 - Persembahan Fragmen Karya Sasterawan Negara Ke-14

Atur Cara

- 9.45 malam**
- **Majlis Pengurniaan Anugerah Sastera Negara Ke-14**
 - Sembah Ucapan dan Sembah Kenal Penerima ASN Ke-14 oleh Menteri Pendidikan Malaysia Merangkap Pengerusi Panel Anugerah Sastera Negara Ke-14
 - Pengurniaan Anugerah Sastera Negara Ke-14 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
 - Sembah Ucapan Menjunjung Kasih oleh YBhg. Dr. Siti Zainon binti Ismail, Penerima Anugerah Sastera Negara Ke-14
 - Lagu “Negaraku”
- 10.30 malam**
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Berangkat Meninggalkan Majlis

Warkah Dasar Anugerah Sastera Negara

Anugerah Sastera Negara dikurniakan oleh Kerajaan Malaysia kepada sasterawan yang menulis dalam bahasa Melayu dan menurut pendapat panel telah memberikan sumbangan yang cemerlang dalam perkembangan kesusasteraan tanah air melalui ciptaan yang bermutu tinggi. Penghargaan dan penghormatan negara yang diberikan adalah dalam bentuk:

- Warkah Penghormatan Negara.
- Wang tunai sebanyak RM60,000.00.
- Penerbitan sebanyak 50 000 naskhah buku atau nilai harga buku berjumlah maksimum RM500,000.00 untuk dibeli oleh kerajaan dan disebarluaskan dengan luasnya ke sekolah, perpustakaan, jabatan, dan agensi kerajaan.
- Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan.
- Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta karya sastera.
- Kemudahan untuk menerbitkan karya.
- Penterjemahan karya yang sesuai ke bahasa asing.
- Elaun sebanyak RM5000.00 sebulan.



*Penerima
Anugerah Sastra Negara Ke-14*

DR. SITI ZAINON ISMAIL

Laporan Panel

SITI ZAINON ISMAIL: MUTIARA DALAM TIRAM ATAU KURA-KURA YANG TABAH?

Siti Zainon Ismail (SZI) dilahirkan di Gombak pada 18 Disember 1949, penyair tanah air yang mempunyai riwayat yang panjang dalam bidang penulisan seni sastra, budaya dan akademik. Beliau merupakan lulusan Sekolah Menengah Aminuddin Baki (1964-1968). Di samping meminati penulisan, Siti Zainon Ismail berbakat sebagai pelukis dan pernah dididik oleh Idris Salam dan Nas Achnas. Oleh sebab cita-citanya membumbung tinggi, dalam usia 20 tahun, selepas Sijil Tinggi Pelajaran beliau meneruskan pengajiannya di Yogyakarta, mengambil jurusan Seni Lukis di Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI). Beliau pernah berdampingan dengan pelukis terkenal Indonesia seperti Affandi, dan lain-lain.


Siti Zainon Ismail mengarifi ABC seni lakon, seni tari dan seni lukis. Pedagogi dan filsafat seni juga ditekuni. Apabila beliau kembali ke tanah air, beliau meneruskan tingkat Sarjana Sastera (pengkhususan Reka Bentuk Tradisional Melayu) di Uiversiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan seterusnya Ijazah Doktor Falsafahnya (Busana Melayu) di Universiti Malaya (UM) melalui asuhan Profesor Mohamad Taib Osman dan Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh.

Pada tahun 1976, Siti Zainon Ismail menjadi *Tutor* di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Beliau menjadi pensyarah pada tahun 1980-1992 di universiti yang sama. Kemudian beliau diangkat menjadi Profesor Madya pada tahun 1995-1996. Beliau dilantik sebagai Fellow Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM. Siti Zainon

Ismail seterusnya dilantik sebagai Pengarah Unit Kebudayaan Melayu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UKM (1996-1999). Dilantik sebagai Profesor Kebudayaan Melayu, Sejarah Seni dan Ketamadunan Melayu, Pusat Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM pada tahun 2003-2004. Pada tahun 2006, Siti Zainon Ismail dilantik sebagai Profesor Luar Biasa di Universitas Jabal Ghafur, Aceh Indonesia. Pada tahun 2007-2008 beliau dialntik sebagai Sarjana Tamu di ATMA. Pada tahun 2009-2010, beliau menjadi Ahli Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Pada 2010-2014 menjadi Pensyarah Bebas Warisan Budaya dan Estetika. Pada tahun 2014-2016 beliau menjadi Profesor Sejarah dan Estetika Seni dan Penyelaras Kursus Teras di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dengan kelulusan dan pengalaman yang luas itu, garapan seninya melalui puisi dan cerita pendek digarap secara berestetika. Jika puisinya bernada tinggi bagi membela rakyat yang hina dina, dibawakannya dalam nada yang bukan propaganda. Siti Zainon Ismail memenangi Hadiah Karya Sastera 1976 untuk puisinya “Romansa Petani di Gunung”. Puisinya dicuplik seperti yang berikut:

*Buah jipang di perbukitan
kembang dedadu merekah wangi
menegur pagi berkabut
di rumpunan gunung lembut
petani senyum
memetik jeruk-jeruk ranum.
pun di kebun
kuda pada merengek*



*minta belaian dan air susu
tawamangu
bermandikan cahaya. Hijau
bersama pelancong berlibur
dari debu panas
lari dari demonstrasi
kota yang payah
dengan mobil pura-pura.*

(Tinta Pena, 1991:53)

Pembelaannya terhadap masyarakat marhaen bukanlah secara pretensi. Bapanya, Ismail bertahun-tahun bekerja sebagai buruh kereta api yang membakar dan menempa besi menjadi alat bagi bola-bola besi dan roda kereta api di bengkel kereta api Sentul. Dia menghayatinya dalam “Tukang Besi di Bengkel Keretapi”:

*dia lelaki muda dari lembah
tak sempat menatap mata ayah
menggenggam hidup warisan alam
menukul besi
mengelek tayar kereta api
wajah merah bermain percikan bunga api
ia mengetuk bersama siul kenari dunia baru
menggiling percaturan nafas
tanpa mengenal jalur kesal
demi upah semangkuk sup pada awal bulan.*

.....
*sebatilah alam yang dihirup
darah keringat*

*demi anak-anak
bisakah satu ketika
putera sulung mengubah haluan?
tukang besi di bengkel kereta api
dialah ayahku
dialah pamanku
abang-abangku
Itulah adik-adikku.
tapi kalau kalian anak-anakku
kini, harus terdidik dari akademi tukang
yang tak lagi menjadi kuda tunggangan.*

(Puisi Baharu Melayu 1961-1986: 392-3)

Selari dengan tema pejal kelelakian yang memperjudikan kekuatan fisiknya, direnungnya nasib “Jurubatu di Pagsanjan” Filipina:

*Keazaman hidup telah
Kau warisi
Warna coklat dan hitam
Bersatu
Dari keringatmu
Dan batu-batu
Siapakah yang bertanya
berapa piso upahmu?
.....
Air terjun pagsanjan
Tidak terkira usiamu
masihkah menghempas marah
dengan percikan tjam
di hampanan batu!*



*Aku di sini kecil
Dalam pelukan-Mu.*

(*Ibid*, 390)

Sensitiviti Siti Zainon Ismail terhadap erti kehidupan dan maruah diri rakyat kecil mengagumkan. Namun sebagai sasterawan beliau terus mencari makna diri dan peribadinya sebagai penyair. Beliau mencari pengucapannya yang tidak lagi meniru penyair besar sebelumnya yang terbayang dalam kreativitinya. Apalagi beliau sudah maklum akan erti seni dan estetika yang dipelajarinya di ASRI. Seni audio-visual yang diperkasakan dan dikuasainya bertahun-tahun di ASRI dimanfaatkan sepenuhnya. Beliau mencari makna Siti Zainon Ismail dalam keseniannya, seni puisi dan prosa serta seni lukisnya.

Selain memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia untuk puisinya, Siti Zainon Ismail sudah dimartabatkan sebagai penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (S.E.A. Write Award) dari Thailand pada tahun 1989. Beliau giat membaca puisi dan membentangkan kertas kerja pada peringkat negara dan mancanegara. Pendapatnya didengar, kuliahnya mendapat perhatian para mahasiswa. Bidangannya selain persuratan Melayu, juga tentang hal ehwal seni budaya dan busana Melayu di Nusantara. Beliau pernah dilantik sebagai Profesor Luar Biasa di Universitas Jabal Ghafur, Aceh. Beliau juga pernah melakukan perjalanan seni maraton di

Malaysia dan di Indonesia dengan mengadakan pameran lukisan dan bicara karya. Ketika ziarah seninya, beliau sempat bertemu dengan Presiden Habibie, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan kalangan sasterawan Indonesia berbobot seperti A. Hasjmy, Moechtar Lubis, Goenawan Mohamad, Taufiq Ismail, Ajip Rosidi, N.H. Dini, dan lain-lain.

A. Hasjmy mengungkapkan:

“Penyair dari Tanah Melayu ini ikut aktif dalam Seminar Ilmu Pengetahuan dan kebudayaan yang berlangsung di Takengon, Daerah Istimewa Aceh pada 20-24 Januari 1986. Dalam arena seminar dia menjadi terkenal, kerana sajak-sajak yang dibacakan. Sajak-sajak yang diciptakannya selama perkhunjungan ke Aceh, mendapat sambutan hangat..”

(*Perkasihan Subuh*, 1986:5)

Dalam buku *Puisi Melayu Puisi Dunia* (DBP, 2011) Kemala sempat membuat analisis perbandingan antara puisi beliau dengan puisi penyair Jepun, Kazuko Shiraishi. Kemala menulis tentang Siti Zainon Ismail dalam kumpulannya *Daun-daun Muda*:

Ekspresi Siti Zainon begitu plastis dan simbolis. Zainon akrab dengan alamnya. Alam cuma sebagai aset untuk menumpahkan rasa secara alegori. Demikianlah adatnya gadis

Melayu menyembunyikan gelora rasa yang membuak, cinta yang indah beralun di dada.

(*Puisi Melayu Puisi Dunia*, 294)

Dalam sajak “Dewa Sulung” SZI selain membaca kembali sejarah Kedah Tua, dia perlihatkan patriotismenya kepada warisan sejarah. “Kau catat urat di akar sejarah/dongeng atau benar/mentari muncul di balik/gunung/ memberi tanah dan air/Melayuku ini.

(*Puisi Melayu Puisi Dunia*, 308)

Dalam kumpulan *Perkasihan Subuh* (Jakarta, 1986) Kemala mengutip sebuah sajak “101 Sembilu” Siti Zainon Ismail yang menyinggung persoalan kemiskinan dan penderitaan rakyat terutamanya pihak nelayan dan petani di tanah air. Sajak tersebut:

*101 sembiluku ke mana harus kuhunjam
lembing yang menyobek sebak jantungku
101 sembiluku di mana teralirnya darah
yang tumpah dari luka tersayat itu
101 sembilu moyangku di mana jatuhnya
keringat
kerana membangun negeri ini dulu
101 sembiluku ke mana dendam
dihanyutkan laju
101 sembiluku luka oleh sinar yang
memanah kota
sedang lorong desa tak sampai percikny
101 sembilu maluku menatap langkah
kesilapanmu
dan tak terhindar untuk melupakan
101 sembilu hibaku menampung lara
angin yang merobek layar nelayanku
101 sembilu menahan sabar oleh ledak
hampa*

*petaniku, panen tak jadi
101 sembilu
akan kuhunjam ke mana amarahmu itu
kalau aku juga tak tahu lorong
yang bisa menampung keinginanmu
101 sembiluku wahai
101 sembilumu wahai
lembing yang tak terlontar
darah yang tak teralir
air mata tak berpunca lagi
luka nyilu oleh kebanggaan itu
kesilapan yang memang tak siapa sudi
membetulkannya
siapa yang mahu kecuali melupakan
duka petaniku
hitamnya gelombang langit nelayanku
tapi di kota
jaman makan masih terus berlangsung
di hotel terkemuka
memetik pucuk-pucuk tanaman petaniku
mencicip ikan-ikan dari laut nelayanku
serta senyum pelayan-pelayan yang
dijamin
untuk terus ramah
sebelum pulang
menjabat tangan
para eksekutif, para exco, atau menteri
sedang tokoh itu
juga dulu seperti aku
marah dan ingin berjanji
akan terbanteraslah segala duka ini.*

*Sembiluku
sebilumu
tidak lagi 101
tapi beribu, beribu
jatuh ke mimpi.*

1986
(*Perkasihan Subuh*, 1986:52-53)

Biasanya apabila penyair seperti Usman Awang dalam “Pak Utih” atau Baha Zain dalam “Aide Memoir” suara mereka akan tegang dan sinis. Siti Zainon Ismail juga melepaskan suara kewanitaannya Melayunya yang berasa “sebak” dan “hiba”, tetapi ikut juga merejamkan rasa sinisnya kepada para eksekutif, Exco dan pak menteri yang minta dijabat tangannya oleh pelayan hotel mewah dalam makan malam itu. Walhal ratap petani dan nelayan masih berlanjutan juga sejak enam dekad lalu. Dalam zaman peralihan kuasa sekarang pun hampir cemas tiada bantuan pada musim kemarau dan tengkujuh. Mereka terus berhadapan dengan “maut”. Padi tidak menjadi, sampan dan kolek dilambung gelombang dan badai.

Puisi “101 Sembilu” ini mempunyai teknik perulangan. Puisi yang bermula daripada nada perlahan-lahan lalu beransur keras jika dibacakan akan memperlihatkan debar dan amarah penyairnya terhadap situasi sosiopolitik-sosioekonomi yang menjadi jerangkap rakyat miskin. Kemiskinan berlaku tetapi pesta makan di kota terus juga berlangsung bagi membayangkan bahawa negara masih kaya raya dan aman makmur. Ironinya suara penyair yang berasa lelah dengan ratapan sebak dan hiba ini juga terperangkap dalam majlis yang sama. Bilakah nasib mereka akan terbela?

Penyair menggunakan diksi “sembilu” sebagai bayangan rasa yang pedih dihiris-hiris (berasa penderitaan kemiskinan rakyat marhaen itu). Usman dan penyair protes Malaysia yang lain biasanya bersuara lebih tinggi yang ditujukan kepada para pemimpin di kerusi empuk, lihatlah rakyatmu, masih di takuk lama, masih terus ditindas miskin dan papa kedana. Tidak usah engkau asyik bercekau di parlimen. Keadaan belum berubah.

Di mana-mana jamuan dan pesta makan, ayam panggang yang enak di depan, datang dari desa yang dijanjikan kemakmuran.

Pak Utih masih menanti dengan doa, bapak-bapak pergi ke mana di mobil besar?

Usman Awang
(*Utusan Zaman 1954 – Puisi Baharu Melayu, 1966*)

Dalam suara Siti Zainon Ismail pula terimbas juga hal yang sama:

Tapi di kota
jamuan makan masih berlangsung
di hotel terkemuka

Dan bapak-bapak pemimpin terhormat itu penuh dengan janji yang belum ditunaikan, dahulu juga berazam untuk membela petani dan nelayan miskin, tetapi masih tinggal “omong kosong”. Senjata penyair ialah kata dan suara. Penyair ingin membela rakyat yang “tertindas”, namun cita-cita ini memang sama dengan para pemimpin ideal kita, hanya “janji” masih tinggal janji. Kota masih terus mewah dan eksotik, cahaya listrik yang indah (malangnya) ada yang belum sampai ke desa-desa. Hal yang demikian inilah yang disebut oleh Siti Zainon Ismail dalam bait:

“101 sembiluku luka oleh sinar memanah kota sedang lorong desa tak sampai perciknyanya.”

Pembentukan metafora juga menjadi pilihan Siti Zainon Ismail bagi mewarnakan perasaan wanita yang luka. Warna perasaan ini yang nampaknya (hampir) tiada dalam puisi protes penyair lelaki yang lain. Perasaan pedih dan luka ini diabadikan secara berturutan, berentetan, meninggalkan kesan:

101 sembilu moyangku
101 sembiluku luka
101 sembilu Maluku
101 sembilu hibaku
101 sembiluku menahan sabar
101 sembiluku akan kuhunjam
101 sembiluku wahai!
101 sembilumu wahai!

Tentulah kembara seni Siti Zainon Ismail dalam “101 Sembilu” ini bukan yang pertama dan terakhir. Perhatiannya terhadap masalah rakyat marhaen menjadi fokus yang tidak boleh dipinggirkan oleh para pemimpin. Suara sasterawan ini terbit daripada keinsafan yang kental bahawa hadiah kemerdekaan wajarlah dikecapi oleh para petani dan nelayan. Hadiahnya bukanlah melalui wang ringgit, subsidi waktu kemarau dan tengkujuh sahaja, tetapi perubahan dari segi pembangunan yang menyeluruh, pembelajaran, teknik penangkapan ikan yang moden dan canggih, perubahan yang sesuai dengan mentaliti dan nafas zaman yang bersaing sebagai jalur peradaban yang baharu, bukan hanya cakap-cakap dan janji kosong. Bangkitlah seni baharu, bangkitlah sasterawan seiringan dengan pemimpin yang jujur dan berjiwa maju.

Siti Zainon Ismail menghasilkan karya kajian kreatifnya seperti yang berikut:

Kajian Ilmiah- Buku

- *Alam Puisi* (DBP, 1989)
- *Kembara Seni Siti* (Galeri Melora-Utusan Melayu, 1990)
- *Getaran Jalur dan Warna* (Fajar Bakti, 1990)
- *Percikan Seni* (DBP, 1989).

Novel

- *Rembang Flamboyan* (Fajar Bakti, 1990)
- *Pulau Renik Ungu* (DBP, 1995, 2005)
- *Delima Ranting Senja* (Utusan Melayu Publications, 2009).

Kumpulan Cerpen

- *Seri Padma* (DBP, 1984)
- *Attar Lembah Mawar* (Marwilis, 1988)
- *Dongeng Si Siti Kecil* (Teks Publishing 1988)
- *Bunga Putik Putih* (DBP, 1992)
- *Kampung Paya Kami* (Galeri Melora, 1998, 2010)
- *Nyanyian Orang Laut* (Galeri Melora, 2000)
- *Jurai Palma* (DBP, 2004)
- *Rindu Pala Muda* (DBP, 2006)
- *Piazza di Spagna* (Galeri Melora, 2010)

Kumpulan Puisi

- *Nyanyian Malam* (DBP, 1976/Galeri Melora 2004)
- *Puisi Putih Sang Kekasih*, (UKM, 1984/2016)
- *Perkasihan Subuh* (Bulan Bintang Bandung, 1986/Cindai Cinta, 1987)
- *Daun-daun Muda* (Media Intelek, 1986)
- *Aquarium Kota* (Cindai Cinta, 1988)
- *Bunga-bunga Bulan* (Creative Interprise, 1990)
- *Kaun Nyalakan Lilin* (Grupemuisi UKM, 1990)
- *The Moon is a Candle* (trj. Harry Avelling, DBP, 1992)
- *Taman-taman Kejadian* (Galeri Melora, 1996)
- *Pumplet Penyair: IBUNDA – Mother* (Unit Kebudayaan UKM, 1996)
- *Witir Merapi* (Galeri Melora, 2004)
- *Geulumbang Rayei Nota SMS Tsunami* (Galeri Melora, 2005)
- *Kasih Bonda* (DBP, 2010, 2015)
- *Bait Senandung Malam* (ITBM, 2011)
- *Bonda's Love* (ITBM, 2011)



- *Bijak Si Katak Bijak* (Puisi Kanak-kanak) (ITBM, 2012)
- *Angsa Istana di Jambul Desa* (ITBM, 2014)
- *Surat dari Awan* (ITBM, 2015)
- *Sahabat Bulu Cantik* (Puisi Kanak-kanak) (ITBM, 2016)
- *Anak Kambing Sungai Air Tawar* (Puisi Kanak-kanak) (ITBM, 2016)
- *Zaman Cicak dan Mengkarung* (Puisi Kanak-kanak) (ITBM, 2016)
- *Cik Bunga Rantau Abang* (Puisi Kanak-kanak) (ITBM, 2016)

Siti Zainon Ismail mengibaratkan dirinya sebagai “pengembara yang tidak kenal lelah”, dia ialah cebisan mutiara yang sedikit demi sedikit menyatukan elemennya dalam perut tiram di samudera dalam. Dia tetap akan tampil dengan kelembutan dan jati diri Melayu, katanya. Dia seiringan dengan bakat seninya yang tiga dimensi; yakni seni lukis, busana (seni pakai memakai) dan kreativiti seni sastera. Dia bersatu dan bersebuti secara estetika dan menyalurkan pemikiran yang berseni penuh dengan kesopansantunan puteri Melayu.

Citra seninya yang kreatif selalu menarik perhatian sarjana tempatan dan antarabangsa. Antaranya termasuklah A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh, Kemala, Harry Aveling, Zakaria Ali dan Hashim Awang. Pada akhirnya, Siti Zainon Ismail berasa bahawa ketabahan dan kesabarannya menganyam seni, beliau dapat berseiringan dengan Muhammad Haji Salleh, A. Samad Said, Baha Zain, Ahmad Kamal Abdullah dan sasterawan berbobot yang lain.

Bagi A. Samad Said, Siti Zainon Ismail ditanggapinya dalam *Puisi Putih Sang Kekasih*

sebagai pengucapan yang langsung, mengalir tanpa rintangan. Imejannya penuh warna-warni, penuh dengan flora dan fauna (Seminar Sasterawan Nusantara, 1986 di Makassar). Muhammad Haji Salleh dalam *Malaysian Writers* menekankan bahawa:

“...important to her is her oral-aural quality. Siti Zainon’s works are composed for the ear, and it is when they are spoken and heard their distinctive are highlighted. The oral-aural quality relates were works to traditional literature-its folkloristic traditions, especially which view poems a stories as part of performance as an oral art, memorised and dramatised at social and other occasions.”

Dalam kajian karya puisi Siti Zainon Ismail, A. Samad Said tertarik dengan kepekaan dan ketelitian Siti Zainon Ismail terhadap alam dan kemanusiaan. Inilah satu ciri khas yang menjadi kekuatan Siti Zainon Ismail dalam pengucapannya yang lembut romantis. Oleh sebab beliau terdidik dalam Seni Rupa, penyair ini melahirkan puisinya seperti memaparkan atau mendramatisasikan kehidupan manusia dengan citraan yang luas dan tinggi (A. Rahim Abdullah, 2007:287).

Oleh sebab bobotnya yang puitis dan estetik dengan kekrabannya terhadap alam, beliau dipilih sebagai Tokoh Penyair Negeri Selangor Darul Ehsan dalam rangka Hadiah Tokoh Budayawan 2005.

Ahmad Kamal Abdullah membuat kajian bandingan antara puisi Siti Zainon Ismail dengan puisi Kazuko Shiraishi yang cenderung kepada hal yang surealistik apabila menyentuh tentang cinta dan seks. Kedua-duanya sudah dimerdekakan daripada budaya bangsa walaupun pada dasarnya



Siti Zainon Ismail masih terikat dengan nilai-nilai agama (Islamnya). Namun, ini tak bermakna beliau kehilangan kreativiti bagi meneroka sesuatu yang bererti dengan eksplorasi dan imajinasinya. Beliau masih dapat mengungkap perasaannya, ghairah cinta berahinya.

Dalam “Phoenix” dengan pendekatan yang simbolik dan surealistik, beliau menulis:

Phoenix

*Di dada kimono
Wajahmu tergelepar
Sejuta kilau
Permata
Hingga merah malam
Sehangat ceri
Mata nilammu
Tak perlu
Kau sembunyikan
Segala peri.*

(Puisi Melayu Puisi Dunia, 1981:19)

Shiraishi Kazuko menulis:

Di Minesotta, di kedai cenderamatanya
Di samping buku Cara Memasak Beras Liar

Tapi dalam kedai tiada tasik-tasik
Di sisi Si Tolol itu
Tergantung lukisan India, untuk dijual.

Shiraishi merasa dengan imajinasinya bahawa dia dikerjakan oleh orang India itu dengan rakus. Dia masuk ke dalam aliran kesenian dan sejarah orang India. Begitu jugalah dapat dikesan dalam puisi Siti Zainon Ismail “Anting Malela” sewaktu beliau di Samosir:

Anting Malela

Biar telah luruh
Hujan sakti
Telah ku tahu
Kilatcintamu
Besar oleh cemburu
Kasih oleh berahi
Apabila matiku
Di hujung pedangmu!
Dceki kewujudan
Maut
Kaujemput!

(Puisi Melayu Puisi Dunia, 2011:306)

Anting Malela ialah kekasih Raja Batak di Samosir, menjadi pertarungan antara cemburu dengan berahi. Anting Malela tidak mempunyai banyak pilihan, maut menanti di hujung pedang Sang Raja. Dan penyair kita? Juga ternyata menerima sang lelaki untuk menjatuhkan vonis (talak perceraian). Siti Zainon Ismail belajar daripada alamnya. Dia mesti “bangun” daripada kejatuhan.



Bangun

*Ranting-ranting patah hanyut
Sungai menggeliat
Tiba-tiba kutilang menukik
Ketika rimba sepinya
Tersentak
Di lembah
Sepelepah bunga kunyit
Menerbit harum.*

Bukankah kita bisa tersenyum ditawarkan manis kata daripada sebuah adegan? Siti Zainon Ismail sampai ke tampuk kematangannya. Unsur kelembutan bertemu dengan unsur yang agresif. Suasana hutan yang sepi, kini terusik, ranting-ranting patah hanyut ke muara, kutilang terbang memapas lalu. Namun, kasih sayang membawa kita mengenal cinta akan tanah air. Patriotisme digali dari sejarah, waktu dan zaman. Hal ini terakam dalam puisi Dewa Sulung:

*Titih langit ke tujuh
Terpancar di laut Kedah Tua
Memercik ke alur Jawa
Tanah air ini
Kau catat diurat sejarah
Dongeng atau benar
Mentari muncul di balik
Gunung
Memberi tanah dan air
Melayuku ini.*

(Puisi Melayu Puisi Dunia, 308)

Siti Zainon Ismail tampil dengan tiga buah novel, 10 kumpulan cerpen dan 10 antologi cerpen. Beliau sudah membuktikan bahawa dirinya sebagai penulis cerpen yang baik. Ada hubung kait yang utuh antara kerjayanya sebagai ilmunan, bidang seni dan budayanya. Hal ini diakui oleh Dr. Rosnah Baharuddin selepas mengkaji 37 buah cerita pendek Siti Zainon Ismail. Watak dan diri penulis saling mengimbangi, mencari peribadi dan erti kehadiran. Nada puitis selalu timbul di sana sini. Ceritanya menggamit pembaca untuk berfikir, bukan sebagai realisme polos. Beliau membangkitkan keharuan dan keindahan yang segar dan baharu. Anda membaca esei-esei Goenawan Mohamad yang reflektif filsafi yang indah? Maka, Siti Zainon Ismail membawa anda membaca dan menelaah makna keindahan itu dalam cerita pendeknya, watak berbaur dengan panaroma alam, wawasan yang menyelitkan makna kerinduan. Kekasih yang berurai sendu dengan nostalgia lama. Perpisahan yang digumam dalam dukungan maknawi. Apakah erti ini kalau tidak ada kasih sayang? Perkara yang ditemukan oleh Dr. Rosnah Baharuddin bahawa Siti Zainon Ismail sentiasa menginginkan pembaharuan dalam mencipta cerita pendeknya. Beliau ingin menemukan teknik penulisan yang malar segar yang lain daripada Keris Mas dan Anwar Ridhwan. Selagi beliau berpijak di dunia kreatif dan berfikir tentang perubahan baharu yang positif, beliau yakin dunia cerita pendek Malaysia baharu akan terbuka pintu dengan jayanya. Sebagai budayawan dan Tokoh Busana Melayu,



1989'S MALAYSIAN WINNER
SITI ZAINON ISMAIL
Born - 1949



beliau sering bersedia membawa citra budaya Melayu seperti sarong, cindai, sabuk, bonang dan lain-lain. Watak dan perwatakan wanita bukan hanya menjadi mangsa dalam tangan penulis lelaki yang berat sebelah. Tragedi dan kezaliman tanpa alasan dan keadilan penulis lelaki yang jahil, sudah tiba masanya untuk ditamatkan. Penulis kreatif wanita bangun dengan segala kemampuannya. Wadah dan madah punya alasan dan kini wajar ditangani dengan sebaik-baiknya. Wanita ada masa depan, bangkit dari penjara dan gua gelap yang selama ini dibina oleh lelaki.

Menurut Hashim Awang, Siti Zainon Ismail ialah sasterawan yang berbakat besar dan majmuk. Siti Zainon Ismail mempunyai kemampuan dan masa depan kerana dalam dirinya juga sebagai pelukis dan penyair. Keterkaitannya dengan sejarah amat nyata. Cerpennya segar dan mempunyai elemen tersendiri yang menyatakan bahawa itu ialah cerpen ciptaan Siti Zainon Ismail.

Sumbangan Terhadap Perkembangan Sastera

Memang tidak dapat dinafikan Siti Zainon Ismail mempunyai tempat yang jelas sumbangannya terhadap perkembangan kesusasteraan tanah air. Beliau memberikan dampak kegiatan di Malaysia dan di dunia. Di samping penulisan kreatifnya dan kegiatan dunia akademik, memberikan syarahan dan bimbingan kreatif dan juga hal ehwal budaya dan busana, beliau juga aktif membentangkan kertas kerja pada peringkat

negara, serantau dan dunia. Beliau turut terlibat dalam mendeklamasikan puisi dalam Festival Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur dan seterusnya memenuhi undangan dalam Festival Puisi di Indonesia seperti Baca Puisi Istiqlal (1995), mendeklamasikan puisi di Bangkok sewaktu menerima S.E.A. Write Award (1989), mendeklamasikan puisi di Bhopal, India, di Box Theatre, London (1992), di Eropah, Jepun dan lain-lain lagi.

Perlu dicatatkan bahawa Siti Zainon Ismail banyak melibatkan diri dalam penjurian untuk sayembara mencipta puisi dan mengarang cerita pendek dan novel. Beliau juga dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penerbitan Manuskrip Puisi pada peringkat nasional di Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai Pengarah Pusat Kebudayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, beliau pernah menganjurkan pembacaan puisi bagi penyair tanah air mutakhir. Program ini berjalan dengan jayanya dan dihadiri oleh para penyair berbobot seperti A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh, Kemala, Baha Zain, Suhaimi Haji Muhammad dan lain-lain lagi. Beliau juga aktif menulis kertas kerja mengenai kebudayaan Melayu, kesusasteraan kebangsaan mutakhir dalam rangkaian seminar Nusantara, di Universiti Sains Malaysia, di Kota Bharu, Kelantan, di Singapura, di Aceh, Palembang, Makasar dan Bali.

Sayugia disebutkan bahawa Siti Zainon Ismail mempunyai Ruang Khas Puisi dan



ilustrasi lakaran peribadi dalam majalah *Dewan Sastera* yang diterbitkan setiap bulan. Dalam tiga tahun terakhir (2016-2019) beliau memuatkan puisi pengalamannya terhadap budaya etnik di Sabah dan Nusantara Melayu Raya. Contoh puisi dengan latar budaya etnik di Sabah:

Jeruk Bambangan

Buah perisa dijeruk

Terasa masam manis di lidah

Berkenyit mata terasa nikmatnya

Jeruk air tangan bonda Dayang Rokiah

menyiat kulit tebal bambangan

kadang disebut embang, mawang

isinya kuning kenyal bersirat

dihiris sekeping empat jari

bijinya diparut digaul bersama isi

ditambah garam sedikit cuka

menghiasi balang kaca berseri

(*Dewan Sastera* Sept. 2015)

Dan yang ini dari budaya etnik Bugis pula:

Kitab I La Galigo

Dari kitab purba Bugis-Makasar Lama

Konon cerita bermula di kayangan sana

Btara Guru turun ke dunia

Kelak menyatu dengan We Nyiliktimo

Saudra sepupu membenih cinta

budaya terkenal di lipatan ceritera.

(*Dewan Sastera*, Feb. 2014)

Budaya Melayu tak dapat dipisahkan dari gobek dan sirih:

Tidak didengar lagi

suaranya berDandan Setia

bersama tingkah goyang gobek

setelah pinang diracik, sirih terlayur

kapur dan gambir pun bersorak sama

dayung ke kanan dayun ke kiri

oleng sampanku bawalah ke seberang.

Kasih ditinggal jangan berpilu

Dandan Setia pergi hanya sepekan

Setelah musim tengkujuh

akan tia di anjung wakaf

siapkan sirih penanti

seulas pinang wangi cengkik

kubawa tenunan Bugis

bertali air di celah beting kain

tanah berkat pencak Dandan Setia

terimalah secarik Cindai Raja

tanda melerai ikatan janji

yang ditinggal jangan bertangis lagi

bungalah simpul setangan

sirih petua sudah diriba.

(*Dewan Sastera*, Dis. 2015)

“Halus dan kudusnya warisan budaya”. “Manis meramu sanubari adinda”. Demikianlah Siti Zainon Ismail menyedut hirupan seni budaya yang menjadi bekal pengajiannya. Sebagai Profesor Budaya Melayu yang tak lapuk dek hujan

dan tak lekang dek mentari, ia kukuhkan lagi dalam irama nan syahdu ini. Inilah sumbangan terbesarnya yang disambut *Dewan Sastera* agar tidak punah ranah digulung taufan.

Sekurang-kurangnya ada dua buah buku yang patut diketengahkan bagi mewakili diri Siti Zainon Ismail; iaitu kumpulan puisi *Perkasihan Subuh* dan novel *Delima Ranting Senja*. Inilah *grand Ouvre* Siti Zainon Ismail. *Perkasihan Subuh* ialah jelmaan sederhana manis namun memikat, magnetik dan akrab, utuh memaknakan pertemuan syahdu Siti Zainon Ismail dengan Aceh dan kebudayaannya. Pertemuan pertama selalunya membawa asyik dan *omen* terhadap sesuatu yang bakal berlaku kepada empunya diri dalam putaran roda takdirnya. Beliau bertemu dengan Profesor A. Hasjmy yang menjadikannya sebagai anak angkat dan diberikan gelaran oleh adat Aceh sebagai Dayang Fakinah kepada Siti Zainon Ismail.

Perkasihan Subuh dalam taburan awal ditulis dan dibacakan oleh Siti Zainon Ismail semasa pertemuan pertamanya dalam seminar di Aceh dan mendapat sambutan yang luar biasa. Anak Melayu yang mula bertemu dengan masyarakat dan budaya Aceh tiba-tiba “jatuh cinta” dengan seni budaya itu. Alangkah ajaibnya dan menakjubkan. Diawali dengan *quatrain*.

Perkasihan Subuh

*Seluruh subuh itu
Kau kejutu mimpiku
Lembut dan terharu
Ku dekap Cinta-Mu.*

Puisi kedua Siti Zainon Ismail mula menyebut diksi “Renggali”, kebun hijau Kebayakan, rumput renik *Bale*. Katanya lagi pada bait yang lain, hingga terpetik bunga/ di *upuh ulen/di jalanan getar embun berangka/tumbuh menjalar melingkar/ke*

hulu hati! (PS, 12). Dalam loghat Aceh “Peteri Bensu/jangan kau sembunyikan selendangnya/ Malim Dewa/agar tak luluh rindu/di bibir kasih/ akar mendenyut di Tajuk Enang-Enang/Helang berkelik di Burni Bintang/bayang yang tumbuh betapak Gajah Putih. Sebenarnya/takkan hilang wajahmu/Gayo/di jabat mentari kini! (Ibid, 13).

Dalam “Di Tanah Glee Gapui” Siti Zainon Ismail menyebut “Di bawah *limoeng sagoeu/ Ketika seudati terentap ke dada/tumbuh lagi pohon sejarah/seorang putera/setangkas Chik Di Tiro.kapai/kapai/jalo/jalo/hingga ku kutip suara yang pecah/di celah bunga jeumpa/sayang/ takkan tercicir/senyummu/di lipatan hari*”. (PS, 14-15). Dalam “Sigli” *bulayang tumpah/di laut malamku/daun kering di lipatan buku/pecahlah suara/kota-desamu/menjamah/derap kasihku. PS, 17. Dalam “September Pulau Selatan” anak-anakmu mengutip panen/bertandak lincah/ selugu senyum pengukir desa/wahai tak mungkin lagi/muncul senyum Saraswati/atau pecah tanah oleh derap/Anu di halaman!/Mata Malaikat/atau matakmu/memencar riak hingga kemboja gugur/ luruh menebari langkahku. (PS, 18-19).*

Dalam “Bulan Bulan di Saree” *tapi kau dengarkan pasti/rentak pedati/bayangan kita bersilat rencong/urat berani takpatah/Kau abadi di situ/kemalinya sinar kepantulan kubah Baitur Rahman. (PS, 20-21). Dalam “Entahlah” suara wanitanya menggumam Entah/Entah/Entahlah/ jatuhlah bintang itu ke dada laut/lautpun tersentak/pasir menggelegak/Tuhan, (PS, 28-29).*

Dalam “Di Muka Istana Maimoon” Siti Zainon Ismail menulis */tiada lagi bahasa daun/yang memantulkan/lagu rindunya. (PS, 32). Dalam Taman Tropika maka datanglah hai nestapa Taman Tropika, dukamu kenapa?/kolek dilambung nadai/*

robek layar dirimbasi hujan, biar di utara/salju memintas. Singa laut bertaring/jngkingbtanah menghulur sengan/inikahtikman itu/menancap ke keningku? (PS, 35). Menatap dnau dengan lirik Siti Zainon Ismail berkata “telah kau kibas/Lara/ sambil jariku/menyentuh nafas Danau-Mu/Kilat dan kilas duga/riak yang pecah ke sukma”. (PS, 46). Dia tetap kembali berdoa.

Doa

*Hamparkan sayap hayatmu
Wahai musafir
kembangkan bulu-bulu hidupmu
kibarkan
hingga
awan menyingkir
mentari ramah
menyibak angin
anginpun tak mengenal istirahat
hidup tak lelah.*

(PS, 49)

Gelora dan gelombang *Perkasihan Subuh* bersambung lagi dalam *Delima Ranting Senja*. Kita bertemu dengan Sofina, AbyRedha terlambung-lambung antara idealisme perjuangan membebaskan Aceh untuk merdeka dengan bunga-bunga percintaan antara keduanya. Aceh menjadi bengkak dan meletus bisulnya akibat perlawanan ditekan oleh tentara pusat. Hidup rakyat menderita. Wanita, janda dan perawan menjadi korban nafsu tentera, tidak ada kemanusiaan, tak kenal rintih. Para pemuda anak-anak DOM yang diasuh oleh AbyRedha penuh derita. AbyRedha ke mana-mana sahaja berjuang di luar daripada garis merah rahsianya minta dukungan antarabangsa. Apakah ini realiti sebenar yang diangkat oleh Siti Zainon Ismail?

Apabila kita mengingati Wellek, ada 60 peratus kebenaran dalam fiksi. Fiksi yang indah, romantik menjalar ke paras surealisme. Namun, mungkinkah dalam *Delima Ranting Senja* ini lebih 70 peratus aliran kebenarannya? Catatan sejarah dan data serta fakta kadang-kadang mengganggu kelancaran novel, namun kutipan masnawi Rumi “mengindahkan” gelora rasa Sofina.

Hubungan AbyRedha dan Sofina akhirnya diikat dengan pernikahan, Sofina sebagai inspirasi bagi kekuatan batin perjuangan AbyRedha bagi memerdekakan Aceh dari cengkaman Pusat. Soalnya apakah Sofina bersedia menjadi “madu”? Alasannya mudah, sudah setahun tidak tidur bersama isteri. Sofina sedia membantu perjuangan si idealis yang selalu sahaja ada *secret* dan *sacred mission*. Namun jengkel juga apabila tidak tidur bersama tetapi mendapat si kecil itu selain ada sahaja tuntutan lain, tidak pulang menemui Sofina, dan tuntutan menjadi Imam Raya. Merayakan Aidilfitri dengan Datin Mariani, sahabat Sofina. Dr. Aqran yang memahami masalah Sofina menjuakkan rasa simpatinya. Zahirnya tenang namun di dalam gelora yang lebih hebat daripada tsunami. Jalinan novel ini dengan “kekejaman” dan kezaliman yang berlaku, rogol secara terbuka, dan mengerjakan ibu sendiri di hadapan suami dengan gugahan muncung MG16 ini amat luar biasa menusuk jantung kemanusiaan. Hal ini mengingatkan langsung Filem *Zhivago*, perkasihan antara Lara dengan *Zhivago*, pertemuan dan perpisahan yang menyayat hati. Musim salju yang membungkus Rusia. Tentulah kalau dihidupkan dalam filem Novel *Delima Rating Senja* akan hebat juga. Dengan longgokan rakyat yang berdarah parah, serangan dan ciap miap anak-anak yang luka, lapar dan dahaga kerana tidak makan berhari-hari, aduh amatlah dramatiknyanya.

Lukisan yang berestetik dengan kemahiran penyair, pelukis dengan gerak audio-visual dan keahlian menangkap bahasa alam yang terbuka banyak membantu menghidupkan jalan cerita novel ini. Dapat dianggap bahawa novel ini merupakan salah sebuah novel yang menarik di Malaysia kini. Gambaran alam yang dilukis oleh Siti Zainon Ismail:

‘Selepas suami dibebankan dengan tugas berat masalah maruah bangsa, percakapan bebas mereka semakin tersekat. Rakaman suara kesal kemarahan, terhadap suasana gejolak masa kini semakin menjarakkan persahabatan. Akhirnya si isteri tahu, sebijak mana pun seorang wanita itu, tetapi selepas bergelar isteri, jangan cuba masuk seratus peratus ke kamar fikir kerja itu. Soal peribadi rumah tangga hanya di rumah sahaja. Di luar, suami milik kawan seperjuangannya. Apabila dia sudah berjawatan dan diamanahkan atas tugas negara, dia adalah milik masyarakat, milik rakyat yang perlu dibela!’ (DRS, 103).

Sofinamasih menggenggam tiket penerbangan Kul-Schipol-Moskow-Sheretyevo. Langit separuh bulan penuh. Di bawah topi coklat berlilit benang bercorak, dia mengintai beberapa wajah yang memang dikenalnya, sepanjang perjalanan dari KL Sentral dengan KL-Cat. Mungkin rombongan itu menuju perjalanan yang sama juga. Tetapi, dia tetap menyendiri, sendiri, dan sudah melihat wajah Wima di stesen Amsterdam. Sunggukah dia menyelipkan Tulip di saku sebelah kanan, menyambut kaget jabat tangan Bung Zeid nanti? (DRS, 276).

Dialog Siti Zainon Ismail dalam novel ini pantas singkat dan menarik.

“Kau aneh sekali, tapi menarik,”

“Apa yang aneh?”

“Kehidupanmu, masih selalu ingin sendiri, senang didampingi susah menakluk hatimu. Siapa lagi yang kau tunggu?”

“Aby? Agran? kau siapa?”

“Ah, lupa lagi, yang menghulur tiket yang kau tempah dalam perjalanan di Laut Tawar, siapa yang menyelipkan kuntum renggali di celah pintu?”

“Ah nakal kau, lelaki dengan mata burung bul-bul, tapi kau hilang selepas itu, ke mana saja kau ha?”

“Ya, sekarang hanya nota pendek...yang mampu kukirim padamu,”

“Dasar, setelah bunga kau ungkai, sebahnya kau lempar kembali ke gunung sana!”

“Oh begitu, kalau bukan kerana kau yang tak sudi menerima panggilanku di pagi hari, bagaimana harus kusimpan kecewa di hati?”

“Dan aku buru-buru meninggalkan dapur, mengejar panggilan telefonmu, dan ibu di bilik terus mengaduh, makanan hangus di tungku, dan kau tak pulang juga bukan?”

“Hah, tak mengapa jangan ditunggu di sana, tapi datanglah ke halaman rumah agung, berkubah hijau yang dirindu sesiapa saja,”

“Bumbung kubah hijau!”

(DRS, 345-346)

Demikianlah *Perkasihan Subuh* dan *Delima Ranting Subuh* meletakkan Siti Zainon Ismail pada posisi yang kukuh dalam kesusasteraan di Malaysia. Beliau tampaknya telah membuktikan bahawa tidak sia-sia berlama-lama tiram itu membedungnya di samudera dalam. Itulah rahsia Allah, semuanya dalam genggam Kun Fa Yakun. Siti Zainon Ismail sudah memeluk haknya.



Siti Zainon Ismail amat karismatik dan mempunyai aura dan sifat sasterawan, budayawan dan ahli akademik yang dapat meyakinkan para pelajar, calon penulis, para guru dan masyarakat di tanah air dan peringkat dunia dengan profesionalisme dan kepakaran yang ada padanya. Selain Puan Azah Aziz yang menjadi tonggak budaya dalam hal ehwal busana Melayu di nusantara, kini kepakaran itu juga ada pada Siti Zainon Ismail. Beliau juga seorang pelukis kontemporari Malaysia yang sudah diterima pada peringkat Asia dan dunia sejak menekuni bidang seni lukis ini empat dasawarsa. Lakaran dan permainannya dengan garis sudah dikuasainya semenjak beliau belajar di ASRI, Yogyakarta. Gurunya ialah seniman besar Affandi, Fadjar Sidek dan Nyoman Gunarsa.

Siti Zainon Ismail banyak melakukan kajian teks klasik bagi mengkaji pakaian dan busana Melayu lama. Di Indonesia, terutamanya di Yogyakarta menjadi wadah bagi Siti Zainon Ismail mendalami bidang seni lukis dan penulisan. Puisinya tersiar dalam jurnal antarabangsa, diterjemahkan ke dalam bahasa Bulgaria, Hindi, Urdu, Inggeris, Jepun, Thai, dan Korea. Raja Ahmad Aminullah, seorang pengkritik seni lukis dan penghimpun lukisan seniman tanah air semasa pameran Angin Si Pauh menyatakan bahawa Siti Zainon Ismail “sebagai seorang penyair dan pelukis perempuan yang karyanya meninggalkan kesan (impak) mendalam kepada mereka yang menghayati

penulisan dan lukisannya”. Di Yogyakarta dia banyak mengenal penyair berbobot seperti W.S. Rendra, Sapardi Djoko Damono dan lain-lain.

Menurut Muhammad Haji Salleh, Siti Zainon Ismail mula secara serius menulis puisi di Yogyakarta. Di sinilah beliau menemukan gayanya yang tersendiri. Gayanya itu dibawa kembali ke tanah air dan dimajukan lagi sehingga dapat menghuraikan situasi yang lain pada tempat yang lain. Beliau kaya dengan citranya, menganugerahkan ribuan imej dan episod untuk dinikmati, diambil dan dirasakan. Pengalamannya luas dan luar biasa, diabadikan dalam garapan keseniannya dalam puisi dan lukisan. Beliau berjaya mengekalkan gaya peribadinya. Puisi ciptaannya dengan kesan budaya dapat dilihat dalam puisi “Baju Pisak Pinggang” (2011)

*Baju labuh leher bulan-bulan
Belah dada hias kancing tujuh
Di bawah pangkal lengan pesak gantung
Pinggang cekak kembang ke bawah punggung
Kadang disebut kebaya Turki
disukai perempuan bestari.*

*Baju dijahit rapi
Dari broked atau sutera berbunga
Bersarung songket atau corak beragi
Menjadi gaya Cik Puan Terengganu
terkenal sejak dahulu.*

Beliau ialah anugerah Allah bagi bangsa Melayu dan negara Malaysia kerana dedikasinya dalam bidang keilmuan busana dan hal ehwal pakaian Melayu yang eksotik. Selain bakat kreatifnya yang tinggi, intelektualisme (Adabiah) terserlah dalam ratusan esei yang sudah dibentangkan dalam seminar, simposium, konvensyen di dalam dan di luar negara. Siti Zainon Ismail juga menyentuh hal ehwal alat muzik tradisional. Berdasarkan kepakaran, Siti Zainon Ismail dilantik menjadi Sarjana Tamu, pakar rujuk, penasihat dan juri. Beliau pernah ditugaskan untuk menyiapkan Muzium Tekstil Negara dan turut terlibat dalam penubuhan Perbadanan Adat dan Kebudayaan Negeri Selangor. Selesai tugas tersebut, beliau menumpukan perhatian pada projeknya yang ada hubung kait dengan bidang penulisan, lukisan, membimbing bakat-bakat baharu dan menulis atas dasar kecintaannya.

Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Balai Seni Lukis Negara (1991-1993), Ahli Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) tahun 1997-1998, pakar rujuk Tekstil dan Busana Johor, Yayasan Warisan Johor, Ahli Lembaga Penasihat Yayasan Usman Awang (2014), Pengerusi Penyelidik Etnografi Bajau Sama dan Iranun, Sabah (2015-2016), Penyelia Pelopor Binaan Seni Arca Laman Merpati Putih, UMS 2015/2016.

Kepakaran dan Ilmu disebarkan bagi mendidik penulis muda kerana profesionalisme dan kepakarannya dalam bidang penulisan dan lukisan. Pada tahun 1996 beliau dihadahi lukisan batik MAHA 1986. Kerajaan Negeri Selangor menghadahi Pingat Jubli Perak. Beliau merupakan pemenang Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1976, 1979, 1983, 1985, 1986, penerima Hadiah Maybank-DBP untuk puisinya

pada tahun 1996, 1997 dan 1998. Beliau juga pernah memenangi Hadiah Esei Dewan Sastera. Selain guru-gurunya di Indonesia, beliau juga berguru dengan tokoh budayawan Pak Mae di Perlis, Pak Mat Petah di Ulu Tembeling, Khatijah Awang primadona Mak Yong Kelantan, dan Mak Nang di Terengganu. Masa yang terluang sewaktu festival puisi atau simposium sastera digunakan untuk mencari bahan budaya yang berguna, dimuatkan dalam novel dan cerpen pada tempat yang sesuai dengan data dan fakta sejarah yang tepat seperti Laporan Van Vlekke mencakupi peristiwa Maluku, Ternate, Tidire dan Halmahera yang terakam dalam cerpennya “Perjanjian Laut Banda”.

Kita dapat melihat impak yang kuat dalam setiap kreativiti kerana penglibatan seriusnya berbekalkan ilmu. Profesor Zakaria Ali mencatatkan perihal kesungguhan Siti Zainon Ismail ini sebagai “Barangkali metafora yang bagus ialah air yang mengalir perlahan pada sungai yang jernih bersih, mencerminkan asal usulnya yang juga jernih, berpunca, katakanlah di pergunungan Behrang Ulu. Siti membentuk telapak tangannya menjadi mangkuk mencedok ke dalam air disaksikan oleh burung-burung berkicauan di dalam semak. Dia menjulang tangannya seperti berdoa selepas solat dan terus menuang air ke dalam mulutnya sehingga haus ditekaknya hilang. Banyak mana air diminum susah dipastikan. Dia berhenti apabila tidak haus lagi. Begitulah umpamanya puisi yang ditulis, atau catan yang terlukis, membawa kepuasan. Sama ada berbentuk catan atau puisi, kesudahannya menyerlahkan peri pentingnya isi karya seni tersebut.”

Selanjutnya Zakaria Ali menambah, “Kepada SZI sesuatu idea itu tidak sepenuhnya visual, atau tidak sepenuhnya verbal. Untuk mengolahnya

sebagai bahan visual atau bahan verbal satu cabaran kepada SZI yang melukis, dan SZI yang menulis sebagai pemerhati suasana yang fana dan adegan sedih yang silih berganti. Penyuaran tentang dilema eksistensi ini, pada buku *Kasih Bonda, Kampung Paya Kami*, (DBP, 2008). Terdapat 47 puisi dan 47 sketsa yang merakamkan zaman dia membesar di Kampung Paya terletak di tebing sungai Gombak. Suasana kedesaan di situ banyak menyumbang kepada pembinaan bakatnya sebagai pelukis dan penyair.”

Kepimpinan dalam Persatuan Penulis Bahasa dan Sastera

Siti Zainon Ismail merupakan Ahli Persatuan Penulis Nasional (PENA). Beliau hadir dalam setiap aktiviti PENA. Oleh sebab PENA merupakan badan Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), beliau juga kerap mengikuti aktiviti GAPENA sama ada di Malaysia dan juga di Nusantara. Selain itu, Siti Zainon Ismail juga merupakan Ahli Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM), Timbalan Presiden Persatuan Penulis Negeri Selangor selain memimpin Kumpulan SEBUDI; iaitu kegiatan penulis Wanita.

Sewaktu GAPENA menganjurkan Seminar di Sematan, Sarawak pada 1985, beliau membentangkan kertas kerja Hubungan Sasterawan (Penyair) dengan Alam. Kunjungan ke Sematan ini secara tidak langsung membawa peserta termasuk Siti Zainon Ismail berkunjung ke Rumah Panjang Kampung Pueh. Beliau rajin mencatat, melakar sketsa-sketsa yang ada kaitan dengan adat setempat dan alam yang dapat mengusik perhatian kesenimanannya.

Pada 15-23 September 1985, Siti Zainon Ismail diundang ke Pertemuan Apresiasi

Penyair Puncak Asean (APPA 1) di Bali, anjuran Sekretariat APPA yang diketuai oleh Wirawan Sudewa. Pertemuan ini dilanjutkan dengan Ziarah Kompleks Masa Depan Seniman di Toya Bungkah, kompleks yang dimiliki oleh Pujangga agung Sutan Takdir Alisjahbana. Beliau menulis kertas kerja “Seni dan Sastera Sezaman”. Beliau mendengar ucapan Sutan Takdir Alisjahbana dengan huraian maksudnya dengan falsafah dan Tema Kesusasteraan Masa Depan itu. “Persaingan akan bertambah tajam, teknologi dan sains wajar dikuasai dan kita mestilah memandang kepada kemajuan yang cepat dikuasai oleh Jepang sebagai kuasa besar yang dapat menyaingi Amerika Syarikat!” Bagi Takdir dalam kesempatan itu juga, Sutan Takdir Alisjahbana mengagumi keindahan dan kebesaran yang diperlihatkan oleh puisi-puisi Amir Hamzah dan menerbitkan puisi “Buah Rindu” dan “Nyanyi Sunyi Amir Hamzah”. Amir Hamzah ialah ahli dalam redaktur majalah *Poedjangga Baroe* pimpinan Sutan Takdir Alisjahbana. Waktu itu berlaku polemik tegar antara Goenawan Mohamad dengan Sutan Takdir Alisjahbana. Hubungan murid dengan guru antara Siti Zainon Ismail dengan Sutan Takdir Alisjahbana memang sudah berlaku sebelum ini. Apabila Sutan Takdir Alisjahbana menyampaikan syarahannya di UKM, Bangi pada tahun 1990, beliau mengambil kesempatan berkunjung ke Studio Siti Zainon Ismail, melihat dengan rapi koleksi lukisannya.

Semasa Pertemuan di Toya Bungkah, para penyair Asean membaca puisinya. Hadir sama dari Malaysia ialah Muhammad Haji Salleh dan Kemala. Dari Indonesia Diah Hadaning, Mamang Rahman, Kemalawati, Dinullah Rayes, Ahmad Fahrawi. Ikut serta dalam pertemuan itu ialah wartawan sastera majalah *Asian Week* dari Hong Kong yang membuat liputan. Sejangkak



puisi peserta APPA 1 ini disiarkan dalam majalah ini termasuklah puisi Siti Zainon Ismail. Puisi beliau turut tersebar ke negara-negara Asia dan sebahagian negara Eropah, Australia dan New Zealand.

Secara peribadi dan melalui undangan rasmi di universiti, Siti Zainon Ismail turut terlibat dalam banyak program pembacaan puisi di Asia seperti di Bhopal, India, Baca Puisi International South Bank, London (1992) bersama-sama Usman Awang, Kemala, Abdul Ghafar Ibrahim, Muhammad Haji Salleh dan Kassim Ahmad. Beliau juga membentangkan kertas kerja dalam Seminar Sastera SOAS-DBP. Buku empat penyair; iaitu Usman Awang, Kemala, Siti Zainon Ismail dan Abdul Ghafar Ibrahim turut dilancarkan. Drama Usman Awang “Matinya Seorang Pahlawan” lakonan Eman Manan, Sharifuddin Thamby dan Kuza turut dipentaskan.

Siti Zainon Ismail terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Kebudayaan Negeri Selangor ketika Kerajaan Negeri Selangor mengadakan Hari Puisi anjuran bersama GAPENA di Shah Alam (1998). Para peserta diraikan oleh penduduk kampung Sungai Udang, Kampung Delek Klang dalam kenduri puisi yang ikut dihadiri oleh SN Datuk A. Samad Said, Tan Sri Ismail Husein, Ketua Satu GAPENA dan Exco Kebudayaan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Ratusan peserta penyair seluruh Malaysia dan juga tamu dari luar negara memeriahkan program ini. Penduduk kampung

mempersembahkan tarian kebudayaan dan nasyid. Para penyair membaca puisinya. Siti Zainon Ismail sendiri turut membaca puisi khususnya.

Impak pada Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Siti Zainon Ismail sudah menjadi ikon di negaranya sendiri. Sebagai tokoh akademik, pelajar bimbingan dan seliaanya pada peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah telah berjaya setelah mengikuti kursus yang dikendalikan sewaktu beliau menjadi profesor di UMS dan UKM.

Sudah dinyatakan bahawa Siti Zainon Ismail bukan sahaja mahir melukis, pakar busana, penulis sastera kreatif malah juga penulis esei ilmiah yang terbit dalam jurnal tanah air. Antara eseinya yang terbit dalam jurnal itu termasuklah:

- “Akar-akar Peribumi dalam Seni Lukis Malaysia” (Dokumentasi Kongres Kebudayaan Malaysia” (DBP Vol. 20, 1976: 237).
- “Penyair-penyair Mutakhir Masa kini Sabah. Monograf Sejarah Perkembangan Puisi Sabah” (DBP Cawangan Sabah 1994).
- Seni Cipta Malaysia-Indonesia: Satu Tanggapan Sastera dalam Seni Budaya” 1987, *SARI* 5:121-132.
- “Unsur Minangkabau dalam Pakaian Cara Melayu”, 1993. *SARI* 11:87-97.

- “Gaya Hidup Sastera Budaya”, Analisis, *Dewan Sastera*, Disember 2011.
 - “Acropolis Sebutir Zaitun Parakalo”, Karya Kreatif, *Jurnal Melayu*. 2015. Bil. 14 No 1.
 - “Sastera dan Seni Lukis: Satu Pengalaman Puisi”, Siti Zainon Ismail, *Percikan Seni*. DBP, 1989: 3-310.
 - “Puisi dan Muzik Rakyat – Kajian Pendekatan Kesenian dalam Kajian Sosiobudaya”. Siti Zainon Ismail. *Percikan Seni*. DBP, 1989: 41-58.
 - “Unsur Seni Lukis dalam Puisi Sasterawan Negara A.Samad Said”. *Kata Luhur A. Samad Said*. Kuala Lumpur: BSLN, 2010:61-94.
 - “40 Puisi-puisi Siti Zainon”. Sakinah Abu Bakar.
 - *Silang Seni Siti Zainon Ismail*. Dewan Bahasa dan Pustaka:2013.
 - “Denyut Alam Sekitar dan Perkembangan Kota – Tinjauan Nilai Kemanusiaan dan Sinisme Budaya Puisi Usman Awang”. *Seminar Denyut Alam dan Pembangunan Kota*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM 12 Julai 2008.
- Siti Zainon Ismail terlibat dalam Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur, mewakili Malaysia dalam acara yang diadakan pada 26-29 Oktober 1990. Beliau membaca puisi serta membahaskan puisi para penyair besar di Eropah, Indonesia dan Asia lainnya.
- “Pengalaman Berkarya Penerima anugerah SEA Write Award”, Majlis Pertemuan Para Sasterawan Negara dan Penerima SEA Write Award. ITBM: 18 Mei 2006.
 - “Sastera Serantau-Pengalaman Madhuiah Novita MZ” Dialog /Sastera Remaja Malaysia. DBP Wilayah Selatan, Johor Bharu 24 Feb. 2012.
 - “Kilauan Benang Emas Pengalaman Seni di Aceh. Dialog Utara. Lhok Seumawe, Disember 1995.
 - “Masa Depan Kebudayaan Melayu Memasuki Abad ke 21”. Orasi Ilmiah. Wisuda Universiti Jabal Ghafur, Pidie Aceh, 21 Okt. 1996.
 - “Teks Sastera Melayu dalam Seni Lukis Malaysia: Kajian Bandingan Antara Dua Disiplin Seni Budaya”. Universiti Brunei Darussalam, 13-15 Nov. 1997.
 - “Bahas Manifestasi Budaya”. Bulan Bahasa 2000. Peratuan Guru-guru bahasa Melayu, Hotel Grand Hyatt, Singapore 12 Ogos 2000.
 - Malaysian Women and Literature. Literature Forum, Hamburg University, Jerman 18 Dis. 2000.
 - “Open Art Discussion”, Penulis Undangan Boligna International Books Fai. Boligna Italy 27 Mac-3 April 2013.
 - Bijak si Katak Bijak, Pembacaan Puisi Tokyo International Book Fair 2014, Tokyo Jepun 26 Jun- 4 Julai 2014.
 - “Jejak dan Jalur Pemikiran Seni Budaya Pengalaman Dialog bersama Profesor Ali Hasjmy”. Temu penyair International 8 Negara LAPENA. Banda Aceh, Indonesia 14-17 Julai 2016.
- Tidak syak lagi bahawa Siti Zainon Ismail ikon budaya, bahasa dan sastera. Seni Lukis memberikan kesan berganda kepada pertumbuhan peradaban bangsa dan negara. Kita dapat melihat betapa aktif dan meriahnya tokoh ini dalam kerja-kerja seni dan bimbingannya terhadap pelajar dan masyarakat. Ketokohnya mendasar dan tidak dapat dinafikan.

Siti Zainon Ismail yang memulakan langkah kecil bagi menyambung pembelajaran seninya di ASRI pada awal 1980-an itu rupa-rupanya bagai tiram yang mengandungi cebisan mutiara di samudera dalam. Siti Zainon Ismail sendiri yakin bahawa beliau akan mengharungi dugaan luar biasa di Yogyakarta. Pesan gurunya, Idris Salam dan Nas Achnaz agar melanjutkan pengajiannya di ASRI mengejutkan kalangan seniman dan para profesor seni di Yogyakarta. Affandi pelukis besar Indonesia membukakan pintu rumahnya untuk dikunjungi dan melindungi Siti Zainon Ismail. Beberapa tahun di ASRI, beliau pulang dengan Ijazah Seni Rupa Indonesia. Lihat betapa lelah dan stabilnya beliau dengan dugaan itu. Ribuan lakaran dan sketsa menjadi miliknya. Kekaguman para profesor dan teman-teman seniman Yogyakarta beralasan. Kini beliau pulang bukan dengan *snobishness*, tetapi tunduk tafakur atas kebesaran Allah yang mengabdikan cita-citanya.

Ramai rakan dalam kalangan seniman, pemikir dan penyair. Bagong sifu seni tari yang handal di Yogyakarta ialah gurunya. Rendra penyair si merak yang vokal itu juga gurunya. Beliau mendeklamasikan puisi dengan gaya puteri Melayu Semenanjung. Maka itu sebabnya dengan pegangan yang tunduk dan tawaduk, beliau menghasilkan *masterpiecenya* *Perkasihan Subuh*. Ada nilai Melayu dan nilai Islam dan ketakwaan di dalamnya. Inilah yang dialu-alukan oleh Bapak Ali Hasjmy. Dengan *Perkasihan Subuh* beliau memberikan *gesture* atau isyarat bahawa puteri Melayu yang membuka diri untuk

pertumbuhan yang lebih seru lagi. Inilah isyarat yang kemudiannya memikat hati beberapa Cut Bang yang mahu menyuntingnya. Hal ini terkerlap, yang berani dan yakin sahaja dengan cara dan pembawaannya dapat membukakan peti hatinya. Dalam novel *Delima Ranting Senja* tampillah watak pejuang Aceh AbyRedha yang idealistis dan Sofina bertaut hati dan doa menjadi Cut Dek. Namun banyak konflik yang berlaku. Inilah novel yang menjadi *grand oeuvre* Siti Zainon Ismail yang memungkinkan beliau meraih Anugerah Sastera Negara Ke-14. Beliaulah mutiara dalam tiram itu dan beliaulah pelumba kura-kura yang yakin diri mengengsot menuju pita akhir.

Lihatlah sumbangannya yang ilmiah, kreatif dan nonkreatif. Perjalanan mengengsong langit dan bumi Tuhan dalam merembuk ilmu dan memintal keyakinan diri, rupa-rupanya beliaulah serikandi Melayu, anak Malaysia yang telah mengukir nama utuh di persada bumi Allah sebagai khalifah yang mengenal dirinya. Apa-apa yang ada dalam diri dipersembahkan kembali kepada anak watan dan dunia kemanusiaan. Padi yang kian berisi, kian merunduk. Beliaulah butiran mutiara dalam perut tiram tenggelam di samudera dalam, kini mengerlap dengan cahayanya. Beliaulah Sasterawan Negara Ke-14 yang menyongsong dan tak diendahkan wajahnya sebelum ini. Namun Kun Fa Yakun sudah menampilkan Kun-Nya.

Marilah kita meraikan kemenangannya atas 99 nama dan sifat Allah yang indah.

KEJADIAN ALAM

Tanah gembur ini milik-Mu
kala hujan mencurah marahkah alam
banjir menghanyut harta pujaan
banjir air mata menghambur kecewa
lupakan masa lalu bisik-Mu
teroka dan gembur kembali bumi
di perut laut di bawah gelombang
masih mekar segala harta
kenapa berlumba serakah
memecah merompak segala yang nyata.

Lembutkah hati bumi
menyemai bijiran bagai Saadi
dengan dan zat kasih-Nya
muncullah bunga sehati cinta
buah kasih sayang menjelma
Ya Muhyi pemberkat kehidupan
budi iman disemai
budi juga dituai.

SITI ZAINON ISMAIL



Ucapan Penerimaan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah,

Menghadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Ampun Tuanku.

Melati harum di jambangan,
Harum wangi warna pun cerah;
Mohon limpah perkenan,
Patik menyata sembah.

sembah seni kasih Ibunda.

Bismillahirrahmanirrahim.
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Penyayang.
Segenappujian untuk Allah SWT yang mempunyai apa yang ada di langit dan di bumi. Kepunyaan-Nya segenap pujian pada hari kemudian dan Dia Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui (Surah Saba, 34:1).

Patik dengan setulusnya melafazkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kepada KDYMM Tuanku serta Tuanku Raja Permaisuri atas keberangkatan Tuanku berdua bercemar duli menyempurnakan Majlis Pengurniaan Anugerah

Sastera Negara ini. Keberangkatan Tuanku mengukuhkan lagi penghormatan terhadap warisan ilmu susastera dan kebudayaan tanah air. Sejak sekian lama, tradisi ilmu yang merupakan pengucapan para bestari istana sudah pun bergema dalam hati rakyat dan memang ditunggu-tunggu oleh rakyat jelata. Dengan kehadiran Duli Tuanku juga akan menyemarakkan dan memberikan inspirasi betapa sebuah negara maju juga ditunjangi oleh budaya ilmu sebagai lambang memperkasakan sebuah negara bertamadun tinggi untuk masa kini dan masa depan.

Ampun Tuanku.

Pohon berangan di dalam puan,
Puan berhias bunga padi;
Patik memohon perkenan menyampai ucapan,
Semoga mencerah acara malam ini.

Apabila Akal melihat , diberinya Kebijaksanaan.
Membawa kita
Ilmu, Kefahaman dan Penderiaan -
Apabila manusia diberi ilmu, dia mengaku saja
Hairan dan lemahnya, bagai merampas kuasa...
Demikian pesan Farid Ud-ddin Attar
(2017:9)

Apakah yang diingini Akal dan Jiwa
kala tinta kering dan kertas melayang
gelora mengejar impi
biar diduga amuk gemuruh jiwa
Subhanallah ya Rabb
sebaiknya ikutilah pesan bistari Melayu
berjalan jerijit bijak mencicipi madu
sombong helang bersayap terlepas juga rezeki
di paruh

biar kehidupan tetap bersilang warna
pilihlah sutera jernih hindari cakaran kelam

mari susuri Adat Melayu
negeri beradab santun pusaka
pelengkap jiwa berbahasa Ibunda.

Ampun Tuanku.

1. Tinta Awal Warna Susatera

Iqra Bismi Rabbikal-Ladzi Khalaq -
Bacalah (wahai Muhammad) dengan penciptaan
(sekalian Makhluk)

Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku
Tuhanmu Yang Maha Pemurah
yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan
mengajarkan manusia apa yang tidak diketahui...

SEBAHAGIAN ungkapan ini menjadikan manusia (harus) tahu, segala punca perlakuan adalah daripada Yang Maha Kuasa, Ya Rahman Ya Rahim. Kita perlukan suara insani. Biar dalam hitam kelam, masih ada payung putih payung kuning yang terkembang seperti yang diamanahkan oleh Raja Kecil bergelar Duli Yang Mulia Sultan Muhammad Syah Melaka (1424 - 1444) hampir 600 tahun yang lalu. Siapakah yang diamanahkan untuk menulis, mencatat, mengukir, menyulam fikir dan menurun daya cipta yang saling bertindan lapis? Para pendatang membawa bahan-bahan jualan bebas merentas lautan, laluan dunia alam Melayu. Bahasa hati ditulis, dilakar menjelma lambang seni budaya; Alam Terkembang dijadikan Guru. Kitab ilmu sudah bertebar di dunia nyata dan para adiguru terus setia berusaha menyelamatkannya. Insya-Allah.

Maka tidak kita mengutip catatan dan perilaku Hang Tuah, “menulis dengan indahnya, bunga berkaluk menghiasi Mendam Berahi”. Hang Nadim pula menulis dengan indahnya bunga-bunga Melayu nun jauh melampaui negeri di Teluk Bengali ke Lautan Hindi bagi mendapatkan kain atas titah Sultan Mahmud. Itulah catatan seni yang wajar dihayati, apabila anak bangsa yang bertanah air luas terbentang telah menulis bukan dengan garis abjad Jawi, membentuk awan larat yang diilhami oleh Adiguru untuk generasi masa depan, membina rumah beratap perabung, kepala tangga bersambut bendul, menggabungkan teknologi alami, berulang kali diteliti hingga memenuhi Rumah Budi Melayu. Masuklah ke pintu terbuka dengan idea, jiwa ditulis dengan bahasa, fikiran yang bergema dalam hati.

Sudah ditertibkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Keindahan bahasa dapat diibaratkan indah bermutunya sehelai kain cindai,

Keris disisip ke ikat bengkung
Bengkung terbuat cindai berkarang
Cindai jantan cindai betina
bila dipakai tahulah letak adat dan adabnya

Angkatlah tabir lama. Dengarkan kembali titah Duli Paduka Sultan Melaka di Johor Lama, memohon Mamak Bendahara menulis kembali Sejarah Kerajaan Melayu. Inilah antara tuturan lisan yang telah dibukukan dengan tulisan ‘akal bersilat’ dibumbui kearifan pada zaman itu. Bendahara ialah Adiguru memimpin Putera Muda ditabal sebagai sultan. Arif menulis dan membaca dengan abjad Jawi mengalir ke jiwa. Setelah Kerajaan Melayu bangkit kembali bersatu Semenanjung Emas, bangsa berasal usul telah dicatat menjelang abad ke-15 Masihi.

Saudara-saudara yang budiman,
Kini kitab-kitab manuskrip Melayu terus dicari, walau banyak hilang dicuri jual, dilelong, malah ada yang musnah terbakar tetapi masih dapat diselamatkan oleh kesetiaan para pengkaji dan institusi ilmu. Beberapa istilah judul disalin dan disusun dalam bahasa Melayu oleh para adiguru dan pandai seni termasuklah *Adab Raja-Raja* (Mohamad Taib Osman, 2009) yang menampilkan setiap gelar diraja berasal daripada kitab yang sudah diterbitkan di Sri Lanka pada awal abad ke-19. Beberapa perkataan bahasa istana seperti “raja”, “tuanku”, dan “beta” ialah ungkapan istana yang diguna pakai oleh komuniti Melayu di rantau. Inilah naskhah yang telah tiba didengar oleh Baginda, ‘Beta dengar ada Hikayat Melayu dibawa orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya supaya diketahui oleh anak segala cucu kita...’

Judul *Bustanas-Salatin* atau *Taj as-Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Sulalat al-Salatin/Salasilah/Hikayat Pasai*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Banjar* sudah menunjukkan citra tempatan yang lebih dekat dengan alam Melayu. Manuskrip awal memerikan kisah asal kerajaan, kebesaran, perjuangan, adab dan adat Melayu Islam hingga menambah nilai jiwa beradab budaya tinggi. Nilai akal dan adab menjadi ciri khas bahasa susastera yang diwariskan oleh Ahli al-Hikmah, tempat kediaman fikiran yang bercahaya sampai ke ulu hati. Saya menikmati fikiran Ahli al-Hikmah yang ditutur perlahan ke telinga kecil tanpa memahami pesan Nenda yang menasihati tingkah laku cucunya,

“Guna akal putihkan cahaya hati, bukankah ini yang diolah oleh nenda agar tidak terjerumus hingga tidak tahu bahasa”.

Adab Raja-Raja versi yang terhimpun di Terengganu dan Pontianak telah dikaji oleh Prof. Mohd Taib Usman (KEKWA 2006). Semua manuskrip *Jawi* begitu artistik dan penuh nilai adab Melayu Islam.

Ampun Tuanku,
izinkan patik mengutip tentang perkara ini,

...himpunan risalah-risalah dan cerita-cerita berkenaan ajaran agama, adab dan etos serta panduan dan nasihat membentuk sahsiah individu Muslim yang baik dan mengemukakan rukun kemasyarakatan yang sejahtera, adil dan bertaqwa dalam bingkai politik Melayu Islam yang diketahui iaitu politik beraja (Mohd Taib Osman, vii)

Masa beralih, Jawi diketepikan (tahun 1960-an) walaupun semangat “Gunakan Bahasa Kebangsaan” baharu saja berkumandang di halaman sekolah pada setiap pagi Isnin (di sekolah kami Sekolah Kebangsaan Setapak). Kini perubahan selera, ketidakpedulian kepada budaya tempatan wajarlah disorot dengan ikhlas. Perkara ini wajar dilengkapi menjadi bahan sumber bacaan. Tulisan sebagai sumber ilmu yang kaya dengan adab wajar diperadatkan, dikembangkan dalam bentuk persembahan hingga kesenian Melayu menjadi beraneka ragam reka bentuk dan ragam hiasnya. Kesenian yang memancarkan kebersamaan perasaan bukan pertelagahan minda. Hanya melalui pendidikan Seni Budaya Tinggi tempatan akan menjelmakan kefasihan jiwa menghargai warisan bangsa.

2. Budi: Rasa dan Mata Hati

LANGKAH awal merasa nikmatnya menulis adalah untuk menyampaikan “rasa hati” atau roso dalam dialek Jawa. Rasa daripada bahasa Sanskrit bererti ‘juice, essence, or taste’ - sebagai rempah keindahan yang segar irama rasa, bunyi, yang dapat menyihatkan jiwa (bacaan puisi, muzik). Bukan sekadar rasa di hujung lidah, tetapi keintiman jiwa atau roh dengan alam fikir yang menerawang ke sukma. Ini dibayangi pula arah ibu jari telunjuk ke depan disimpuh tahiyat awal dan tahiyat akhir. Puncak keimanan inilah yang kita hormati sebagai Yang Abadi dengan keindahannya, al-Jamal.

Pesan Nenda “pakai akalmu”. Gerak alur bermula mendengar cerita berbaur sejarah, legenda dan mitos: tokoh pahlawan melilit kain panjang menutup anggota tubuh, keris tersisip di celah bengkung, mahkota kembang teratai, atau destar menjulang gunung, kipas rahsia, sayap garoda menghambur jentayu. Saya bayangkan inilah buraq yang diceritakan oleh Tuan Guru Faqeh Suman di Surau Tinggi di Yogyakarta. Bersambung pula melakar seni hiasan di Candi Borobodur atau Candi Prambanan menjalar ke halaman berhias ragam hias dan kaligrafi Jawi jelas dibaca. Lakaran inilah menjelma tulisan melukis puisi setelah membaca surah pada pagi hari.

Walaupun kerap mengutip cerita lisan, pensyarah kritikan seni juga menghimbau pentingnya subjek Sejarah Estetika Seni Timur dan Barat Kajian. Malah teori Barat yang dipelopori oleh William Black (pelukis penyair) kerap tidak memisahkan emosi dan ekspresi puisi serta seni lukis itu sejalan. Malah saya menggabungkan tanggapan kesedihan rakyat

tempat perlu disorot dengan kebebasan pandangan. Daripada sinilah laporan kajian seni warisan dihasilkan melalui penulisan puisi. Maka Awang Batil Pak Mahmud bukan lagi tokoh tua mengetuk batil dari Perlis, mengalunkan lagu tetapi juga dapat menjadi watak rahwana dalam sajak Sita Dewi. Bergabung dengan gesekan rebab Adiguru Wayang Kulit Hamzah Awang. Hinggalah ketika meneliti ulit selayah joget gamelan Mak Nang, anak tari asuhan Tengku Ampuan Mariam Terengganu, puteri Sultan Ahmad, Pahang (1863-1914) yang muncul ialah guru tari gamelan itu sendiri. Waris dari Pahang inilah yang mula membentuk kumpulan Anak Tari Gamelan di Terengganu yang dinaungi Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1920 - 1942). Lahirlah manuskrip tulisan Jawi, satu-satunya milik Istana. Manisnya ungkapan menjelaskan gerak lagu tarian Ayak-Ayak,

‘ ...daripada duduk mengangkat sembah, campak lenggang kanan kiri/ berdiri kedua lutut, campak lenggang kiri/bangun melemak dan melayah, undur ke belakang dan ke hadapan/... dalam berjalan, bila gong, balik tangan duduk dibawa sabuk dari dua belah belah iringan ponggong/...jalan campak lenggang, sabuh disebelah kanan sangkut atas bahu...’

Inilah manuskrip Jawi awal tulisan Tengku Ampuan Mariam yang membentuk Kumpulan Tarian Istana Terengganu sebelum sunyi setelah ketibaan Jepun di Tanah Melayu. Mengkaji seni tarian gamelan menjadikan saya menghalusi gerak tari melayah selendang terpapar dalam lukis dan puisi “Istana Kolam” (buat Mak Nang),

‘...kami terlalu indah
meliukan simpai gemersik hiasan gendek
mata dituju setiap gerak
dan susun jari, kaki bercampak lenggang
gong bergema kita melayah

....

dari jauh kini
pohon beringin tua di jalan muka
telah merahsiakan
jalan ke istana lama

(Disember 1980)

Hal yang mendukacitakan pula ialah tidak ramai pengkaji sastera mendampingi jalur sejarah budaya seni gamelan dan kesenian lainnya. Ayat “campak lenggang, sambut gong” atau “bergoyanglah gendek di kening, bergetarlah bunga goyang” hanya kerap dicatat pengkaji, “karyanya penuh bumbu rasa, cerpen terlalu puitis”. Oleh itu, memang kurangnya pengkaji dalam bidang cerpen. Sebagai pengkaji Seni Budaya Warisan, perkara ini tidak mengkusarkan walaupun penari juga amat kurang meneliti tulisan susastera. Namun Alhamdulillah seperangkat set gamelan Riau Penyengat sudah dikembalikan ke Istana Pahang. Kini kembali bersinar di bawah KDYMM Raja Permasuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

3. Sahabat Penyair, Dunia Kesarjanaan dan Seni Tanah Air

MENGUTIP data kajian Seni Warisan, saya kerap menjadikan pemerian subjek kajian hingga menzahirkan watak sejarah seperti Mek Bunga, Minah Pelangi, Gelepar Garuda 1986 (koleksi Raffles di British Museum). Tokoh Bima dalam

cerpen “Malam Gending” berwatak mahasiswa Nusantara yang memenangi isu sosial, demonstrasi mahasiswa di Jakarta dan Manila. Kajian seni budaya kerap disertai tutur bahasa bidalan dan sejarah oleh pandai seni beralun suara budi bahasa. Saya pun mengutip tutur penenun di Pulau Keladi Pahang, rintihan Seniman Negara Mak Yong Khatijah Awang. Suara Seniman Melayu ini juga ditatap dan disimpan dalam bilik kuliah Bahasa Melayu di Kampus St. Petersburg, Moscow Rusia. Prof. Boris Parnikel dan Victor Pogadaev antara sarjana asing yang ghairah menterjemah karya kita. Kami masih seperti biasa, diundang mendeklamasikan puisi, menulis rencana dan penyelidikan; tetapi karya-karya sastera tidak sempat dibedah sekerap mungkin. Membuka halaman sastera di akhbar, hanya dua halaman dipaparkan dalam surat khabar pada setiap hari Jumaat atau Ahad, berbanding dengan halaman hiburan yang disiarkan lapan halaman setiap hari.

Apakah kerana bahasa sajak atau puisi moden tidak seghairah nyanyian dengan pendendangnya yang popular? Hingga Awang Batil, Tok Selamat tinggal kenangan? Di manakah pula rakaman alunan mantera termasuk kerja penyelidikan akar bahasa dan silat tari Pak Mail Tarinai serta kajian Islam Pak Nakula? Memang ada terbitan bukunya oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1970-an) atau Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (KEKWA 1990-an). Perubahan nama Kementerian Kebudayaan setiap kali beralih pemerintahan juga menyentak pegawai dan penyelidikan Kebudayaan Warisan.

Dalam meneliti makna kehidupan budaya alam Melayu berteraskan keluasan tanah air adalah teras keluasan tanpa batas wilayah

politik semasa pada masa kini. Saya menemui konsep Bumantara Sutan Takdir Alisjahbana dan didokong oleh Prof. Ali Hasjmy dengan keindahan pemikiran yang sejalan dengan falsafah al-Ghazali (1072-1127). Akal budi lebih berharga dengan restu Ilahi. Amanat al-Ghazali, setelah kembang panjang, akhirnya beliau sampai kepada kebenaran, bukan melalui akal budi sebaliknya menerusi cahaya yang dipancarkan oleh Allah SWT ke dalam jiwa.

Prof. Ali Hasjmy, menjelaskan,

‘Itulah Cahaya Iman. Kelembutan hati,
cahaya akan gemilang
dihatimu, akan segera menolak kebencian
dan kesombongan’ (Diari Aceh 1986).

Inilah yang tergambar melalui sikap nenda dan ayahanda menolak kesombongan dan riak, sering mengungkap kata, “kita manusia biasa tapi harus berani menerima ujian”. Malah John Keats mengakui, “Penyair tidak ada apa-apa, tiada identiti, dia hanya kembali bermesra dengan semua kreativiti ciptaan - Hanya Dialah Pencipta’ (Gitting, 1982 : 87, lih. Siti Zainon Ismail, 1984:19). Begitu juga yang terjadi kepada WS Rendra, penyair muda yang lincah pada tahun 1960-an, ketika berada jauh di Pennsylvania, dalam ketakutan kesunyian di rantau, kembali membujuk dirinya,

‘... Tercium bau sayur-mayur
terdengar suara seruling dan kecapi
suara-suara dan warna-warna
berimbangan
memuji sang syurga
Inilah Priangan...
(sajak “Disebabkan oleh Angin”, 1964)

Sajak WS Rendra ini juga memperlihatkan “kerinduan tanah air” seperti ungkapan Al-Ghazali, perlunya kegiatan kreatif dengan sumber asli hingga menumbuhkan keperibadian, atas kesedaran diri sejati. Sejarah seabad lalu, dapat dipadankan dengan apa-apa yang sama ditemui terutama dengan olahan bahan alam, kayu untuk diukir, daun pandan untuk anyaman. Teknik yang sama memancarkan semangat tempatan.

Sejumlah petua Nenda yang membawa aroma tanah, air, sungai dan belukar kampung seakan-akan menyatu dengan citra dan metafora alamiah terutama kasih persahabatan dengan mereka yang menghormati, memberikan kepercayaan persahabatan kepada saya betapa indahnya bahasa dan kesenian Melayu. Melalui cerita jiwa Melayu menumbuhkan kesedaran untuk meluaskan pencarian keindahan seni, mendalami fikiran dengan citra bauran sejarah berbaur mitos dan legenda.

Teks sastera klasik Melayu turut menjadi citra dan metafora memercik ke dalam karya-karya sajak, cerpen dalam pelbagai gaya bahasa. Kerja mengkaji sastera rakyat dan seni tempatan juga mendapat sokongan sarjana Prof. Amin Sweeny, Urick Krat, Prof. Boris Partikel yang berumur panjang terus menterjemah cerpen “Syeikh Kuala” (dalam *Acheh Suara dari Hujung Tambak*) dengan latar pertelagahan tokoh antara Hamzah Fansuri, Nuruddin Ar Rarini, pada zaman Iskandar Thani dan Ratu Safiatuddin di Aceh pada akhir abad ke-17.

Dari Aceh juga dapat dirasai betapa kegiatan susastera menyatu seni budaya dengan mesra berpadu dalam persembahan. Puisi warisan Aceh sejak zaman perang begitu memuncak usaha

kreatif yang bernada zikir. Seulawet Hamzah Fansuri berbaur dengan gerak laku dinamis tepukan telapak tangan ke dada, didong, seudati, rafei dengan lirik berbaur. Semangat melawan Belanda turut diteraju Inung Bale (perempuan janda) bersemangat membela lelaki pejuang yang gugur dalam pertarungan bersambung dengan sistem militer berpanjangan. Menariknya suara seniman semakin semarak, menemukan kepelbagaian perjuangan melawan perang hingga tiba peristiwa tsunami (2004). Dilanjudi kesedaran, semua musibah teguran Allah SWT seperti dicatat oleh Hamzah Fansuri,

Nurani itu hakikat khatam
Pertama terang di laut dalam
Menjadi makhluk sekian alam
Itulah bangsa Hawa dan Adam

Hubungan Aceh dan Tanah Melayu makin terjalin dengan perkahwinan Sultan Iskandar Mahkota Alam dengan Puteri Kamaliah Pahang. Hubungan sejarah ini dimartabkan sebagai petua pemerintah seperti,

Adat bak poteu Meureuhum	>	adat bagai petua Marhum
Hukum bak syiah ulama	>	Hukum bagai / dari Ulamak
Kanun bak Putroe Phang	>	Kanun dari Puteri Pahang
Reusam bak Lakmana	>	Resam dari Laksama

Kajian seni budaya warisan dengan pendekatan Sejarah dan Susastera kita dapat menggabungkan semangat anak negeri yang fasih dengan seni budaya lingkungan tradisi dan merakamkan aneka peristiwa semasa dengan ghairahnya membina

kembali bukti sejarah budaya yang hilang selepas tsunami (26 Disember 2004). Peristiwa itu saya catat dan rakam berdasarkan rakam SMS. Sahabat pandai seni sulaman kasab di pantai Meulaboh diterkam peristiwa Ambruk Aceh. Namun aneh peristiwa itu, yang hilang begitu cepat berganti. Masjid agung Baitulrahman tegak kukuh. Anak-anak hanyut berpisah ditemui memeluk puncak batang pinang, seakan-akan mitos yang dihidupkan, kembali wujud menjadi citra sejarah tampil sajak, syair dilagukan, di lakaran dilukis. Begitu Galeri Melora membawa pelukis dan penyair, membuat persembahan Gelora AIR GEULUMBANG RAYEUK ACEH (catatan SMS Tsunami 26 Disember 2004-26 Januari 2005).

4. Melukis Susastera Seni Budaya

SENI LUKIS ialah curahan batin yang dirapikan dengan kesan sejarah yang panjang. Beberapa orang kawan penyair, pengkaji dan sarjana turut mengembara, menghilangkan diri dan melaungkan suara kemanusiaan ke pintu PBP. Dengan dasar kecintaan Islam membuatkan ketegangan dapat dikendur dalam sastera tema kemanusiaan hingga bergabung dalam *Pulau Renik Ungu* (DBP: 1995) dan *Delima Ranting Senja* (DBP: 2009). Beberapa buah negara pesisir utara, selatan dan timur Semenanjung memang terus bermain api, Di Aceh, penduduknya resah, rela mati bersemangat syahid. Akan tetapi dicelah kegusaran dan kehancuran ini, tumbuh cetusan rasa. Persembahansajak tampil bersemangat segar. Hal ini menjadikan diri lebih gigih menyelongkar khazanah silam dan menjalinnya dengan kreasi baharu. Kumpulan puisi, cerpen dan novel tumbuh dalam resah amuk api hingga usaha mengumpul data sejarah segera diselongkar agar tidak hilang ditelan usia.

Citra rusuh yang berentetan di Semenanjung dan alam Melayu sejak zaman penjajah ke era merdeka tidak mungkin lenyap begitu saja. Catatan lisan perlu diteruskan. Semangat inilah yang membantu saya memeriahkan makna keindahan citra atau simbol ragam hias. Bentuk perabung bumbung rumah Melayu bukan hanya berfungsi untuk memudahkan air hujan menjunam ke bawah, sebaliknya dimitoskan sebagai pusat keagungan puncak Gunung Ledang. Nama reka bentuk bumbung yang tumbuh diwakili hampir keseluruhan perlakuan mengutip mengumpul khazanah di istana yang banyak hilang pada zaman penjajah. Namun syukur teks berkaitan dapat juga dibawa balik dan tersimpan di perpustakaan tanah air. Inilah yang dipesan dalam kitab *Adab Raja-Raja* tentang akal budi, dan Allah SWT dengan kalamnya menyuruh berbuat adil dan kebajikan, adil dan sabar yang melantun daripada para gurucuba warisi kasih sayang dalam kehidupan.

Sebagai anak kecil yang dilahirkan setelah Jepun meninggalkan Tanah Melayu, bersambung dengan kemasukan British kembali, maka sisa-sisa pengalaman zaman Jepun dan British yang dialami oleh Ibu banyak membauri kehidupan di kampung kami di Batu 4 1/4 Gombak. Allahyarhamah Ibu (Hajah Bainah binti Hajo Husin Majolelo, 1929-2002) terpaksa berhenti sekolah dan memasuki kampung sawah padi di Tanjung Karang. Setelah Jepun berundur, Cikgu Bedah datang ke rumah menjemput ibu kembali ke sekolah tetapi ibu memilih bacaan novel-novel Hamka, Marah Rosli, *Hikayat Amir Hamzah* sudah dibawa masuk oleh Pak Sabirin (ayahanda penyair Anis Sabirin). Ibu juga memperoleh buku-buku yang dihadiahkan pemuda kampung keturunan Minang yang berpeluang belajar

dalam bidang Kedoktoran di Universiti Malaya Singapura. Beliau ialah Allahyarham Dr. Mohd Nor Marahakim, doktor pakar mata pertama seangkatan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Beliaulah yang kerap pulang ke Padang dan menghadiahkan ibu novel-novel terbitan 1940-an. Walaupun ibu malu untuk menyambung pelajaran setelah selesai Darjah V, tetapi ibu sudah membaca buku, surat khabar *Utusan Melayu*, majalah *Mastika*, *Fesyen* yang beredar dari Singapura. Barangkali inilah cerita asas yang saya rakam dan bongkar buku-buku yang terselit di celah laci meja hias di rumah Nenda.

Di Surau Tinggi pula, sekarang Madrasah Tarbiah, saya mendengar cerita Nabi daripada Tuan Haji Fakeh. Naluri si kecil memang cepat berkembang untuk selalu membaca dan menulis bahan yang dibeli hasil daripada simpanan tabung buluh. Di depan surau seberang jalan Batu 4 1/4 kerap pula terdengar tabuhan gendang hingar-bingar mengiring teater Opera Cina. Inilah siri buku kanak-kanak awal saya “Kasih Bonda”. Kisah kampung kelahiran yang sedang dilanda pembangunan arus kota raya yang mencantikkan kampung dengan jalur jalan raya yang selesa. Inilah takdir alam apabila kampung kami sudah berada dalam kuasa Wilayah Persekutuan.

5. Merangka Seni Budaya Masa Kini

PENGHUNI kota masa kini mewakili masyarakat budaya neofeudal. Setelah penyatuan negeri-negeri beraja berganti dengan kuasa pemimpin kerajaan penyatuan banyak isu timbul. Dengan kuasa politik yang terbentuk oleh capaian undian dengan matlamat sistem demokrasi, apakah tercapai penyatuan itu?

Yang kita harapkan agar wakil pemimpin rakyat turut bersama-sama memimpin jiwa insan yang berbudaya.

Bagaimanakah sikap rakyat dan kelompok sastera budaya? Tercapaikah matlamat apabila ditinjau dari balik tirai sejarah budaya asal tanah air? Apakah masyarakat umum menjadi penonton turut bersorak, terhibur dengan suara gegak gempita di laman merdeka? Bagaimanakah kita dapat menyatukan prasarana budaya berfikir lebih manusiawi yang membetul arah tajaan seni hiburan, khasnya laporan berita popular menandingi budaya ilmu, kesejahteraan masyarakat. Sistem pemerintahan seharusnya dapat menyatukan dan mengangkat setiap bidang dengan adil dan saksama.

Apakah Sekolah Seni dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) hanya untuk mencapai matlamat kerajaan yang tertumpu pada pembangunan ekonomi menuju ke arah mencapai taraf negara maju? Dapatkah pengurusannya melabelkan kegiatan yang lebih memberikan fokus pada adab ilmu, nilai kemanusiaan termasuk harmoni antara agama? Sehingga produk seni budaya mengalir semula jadi membentuk ciri khas budaya tanah air. Tidak hanya meminjam dan membawa masuk unsur luar hingga kreativiti tertumpu pada kreasi yang sepunya dengan negara luar sana. Lulusan inilah yang bakal meneraju Kementerian Kebudayaan dan kepimpinan kampus seni budaya. Di dalamnya menyatu dengan unsur kesenian yang berbagai-bagai ragam. Dalam hal ini, penyatuan melalui bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi harus diberi tumpuan. Hebahan poster, papan tanda, iklan diperluas bagi memaknakan simbol bahasa ini. Walaupun penganjuran seminar,

dialog bernuansa antarabangsa, tidak salah bahasa kebangsaan didahulukan. Dasar Pandang ke Timur sudah lama diarahkan. Begitu juga China dan Korea yang mewajibkan bahasa negara sebagai peneraju utama untuk meraih kejayaan dan kebanggaan.

Di celah pembangunan, fikiran berkembang seimbang. Di manakah muzium dan perpustakaan yang padat dikunjungi pada hari libur. Promosi hiburan lebih menjolok maka kecerahan ilmu disaingi *mestizo culture*. Campur gaul pengaruh asing (setelah didatangi kuasa barat) yang terus dibiarkan berterusan.

Tidak mungkin sajak ini akan diketawai generasi muda, membaca kesetiaan Li Po yang tetap merenung pada malam senyap kedengaran merintih seperti bidalan Melayu “Bagai pungguk rindu bulan”,

Cahaya bulan memancar di depan peraduanku
Aku sangka embun beku di tanah
Aku mendongak merenung bulan terang
dan duduk merindukan kampung halaman

Inilah juga pandangan dunia alam Melayu yang sedar akan asal usul diri dan cepat meresapi falsafah “Alam terkembang jadi Guru” atau “setinggi mana gunung didaki, tahu juga tempat asal tapak berpijak” (gerak tari Lambang sari). Bukankah “harimau mati meninggalkan belang” bagaimana pula lambang sebesar tapak gajah, selincih kancil mengejek sang buaya, lagak sayap merak di kayangan. Begitulah alam dunia Melayu terus dihayati walaupun kini ramai yang tidak ambil peduli. Guru saya Almarhum Tengku Nasarudin @ Tenas Affandi (1997:177) berpesan “kenali dan dampingi alammu yang diberi

nafas, harum wangi oleh Ilahi, maka dengarkan suara mereka”,

daun lipai penghempang jalan
daun pimping menampar muka
daun tungkat menumpak banir
bagai dijalin kayu onak
bagai mengalun bunyi riang-riang...

Di manakah kita dapat mendengar nama dan rupa bentuk aneka jenis daunan rimba ini kini? Ya mungkin di Taman Botani, Taman Rerama, Taman Burung di celah-celah Taman Bunga Putrajaya. Adakah usaha menyusun puisi (pantun/gurindam/sajak dan sebagainya) di rimba sesuai untuk menata dan memerikan anak pohon di taman atau di lorong dan jalan kota, di stesen kereta api, di dinding dan di kedai kopi. Sajak dan puisi yang bernilai susastera tumbuh secara alami, bukan sekadar membaca di bilik darjah, di ruang pentas rasmi atau hanya dalam kalangan ahli persatuan sahaja.

Berkelipkah lampu puisi di pintu rumah waris SN Usman Awang di Kuala Sedeli atau di Belimbing Dalam, kampung kelahiran A. Samad Said, di Gombak kampung kelahiran Kemala. Sajak “Tun Seri Lanang” pula terpapar pada dinding Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM. Pernahkah suara perakam *Sejarah Melayu, Bustanul Salatin* bergema di telinga mahasiswa yang turun naik ke perpustakaan. Apakah fungsi dan kaedah mengutip dan menyemai unsur budaya ini? Inilah tugas pencari ilmu, tugas para saintis untuk menggali, menyebarkan hasil bumi dari rimba, di lautan yang juga dirakam dengan indah dalam pantun seloka. Pengamal susastera seni budaya, bukanlah pemimpi.

Sekian lamanya usaha menggali hukum alam ini diusahakan oleh tokoh perubatan Melayu. Kita baharu sahaja kehilangan tokoh Tib Perubatan Melayu, Allahyarham Dr. Harun Mat Piah (10 September 2019) yang telah menelusuri rahsia manuskrip perubatan alam Melayu (Kitab Tib: Ilmu Perubatan Melayu, PNM: 2006), mengkaji keindahan pemerian alam tumbuhan, laut, gunung, bumi dengan khasiat di taman rimba. Di manakah pula Taman Pantun yang merakamkan segala khasiat tumbuhan sebelum perubatan moden menjalar di arena dunia moden hari ini?

Kajian dan perkongsian ilmu warisan masih banyak yang belum diselenggarakan. Adakah kita masih menganggap Seni Susastera Melayu itu hanya kerja kenangan masa lalu? Dunia ilmu sepi, dipandang enteng oleh anak bangsa sendiri. Masihkah mengutip data silam sejarah yang terpaku dengan kekayaan flora dan fauna yang terbekam dalam gua batu, bukit bukau, termasuk menjunam ke dasar sungai dan lautan. Siapakah yang mendidik bahasa tinggi di sekolah kalau budaya ilmu tidak ditampilkan sejak di tadika dan sekolah rendah. Walaupun jurusan Sastera makin diketepikan, tetapi selagi Bahasa itu Jiwa Bangsa, masih banyak tugas kita untuk menghormati prinsip jati diri bangsa.

Di manakah Pustaka Alam Melayu itu? Ya, kita ada Muzium Warisan Melayu hampir di seluruh tanah air. Ada yang lengkap berdiri gagah, ada yang menumpang di ceruk musim. Muzium Warisan di beberapa buah institusi pengajian tinggi juga mula semarak. Akan tetapi dimanakah Muzium Susastera sebagai inti kepada Muzium Seni Warisan yang dibangunkan di daerah kelahiran tokoh seniman yang berkaitan. Yang

baharu dicatat hanya Rumah P. Ramlee yang mempamerkan hasil koleksi muzik dan rumah kelahirannya di Pulau Pinang. Bagaimanakah pula pengisian Rumah Za' ba, khasnya peranan beliau di Tanjung Malim.

Di manakah pula anjung Rumah Melaka milik “Seorang Tua Selepas Hujan Menjelang Hari Merdeka?”

4. Melabuh Tirai

Ampun Tuanku,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

TIDAKLAH kita bersama-sama pada malam ini jika tiada acara yang direstui. Saya merakamkan ucapan penuh kasih atas usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang bersungguh-sungguh menghidupkan Majlis Pengurniaan Anugerah Sastera Negara Ke-14. Tahniah kepada seluruh Ahli Jawatankuasa yang memuliakan tugas berat ini, menyediakan data penilaian dan juga bekerja penuh semangat. Maafkan kami yang hanya menulis, karyanya dinilai dengan penuh kejujuran dan keadilan seperti bidalan “tiada gading tidak retak’, tidak disebut arang kalau tidak rentung”.

Orang memberi kita menerima.

Yang memberi sudah jelas sejarahnya yang menerima juga harus insaf apakah peranannya.

Alhamdulillah hanya atas keizinan Allah SWT kita bersama-sama di sini.

“Tidak oleng penisi tanpa ombak Tenggara”

Bahtera sastera boleh saja oleng, tetapi dengan kasih budi, marilah kita segarkan kembali. Yang bijak bestari hanyalah Dia. Kita hamba-Nya, diuji juga sentiasa. Izinkan saya menyampaikan maaf “kerana setitis nila, kain putihpun cerca”.

Bagai terdengar pula keluh Laksamana bergema, “Tiga tahunlah lamanya beta (hamba) dimurkai Yang Dipertuan tiada bersalin. Barulah ini beta (hamba) bersalin” (Tun Seri Lanang). Dan akhirnya, “Dikau sahabat, di sebelahku/ bergembiralah/...tetapi syurga abadi jauh (bertemukah) di sana”. (Ibn Safr al- Marini, dalam Cola: 50) Allahuakhbar.

Wabillahi taufik wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Ampun Tuanku

Hotel Istana
21 September 2019

Menjunjung Kasih

ANUGERAH
SASTERA NEGARA KE-**14**

**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH R'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

dan

**SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH
BINTI ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ**

Menjunjung Budi

Istana Negara

Jabatan Perdana Menteri

Kementerian Pendidikan Malaysia

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Tenaga Nasional Berhad

Pasukan Pendekar Muda

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Persatuan Graduan Seni Persembahan Selangor dan Kuala Lumpur

